

Laporan  
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR  
**AKNC**





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2022

### FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

---

**KETUA PTJ :**

JAMALUNLAILI BIN ABDULLAH

**KETUA UNIT KUALITI :**

ANI SAIFUZA BT ABD SHUKOR

**PENYELARAS :**

ANI SAIFUZA BT ABD SHUKOR

**PENULIS :**

1. ANI SAIFUZA BT ABD SHUKOR
2. SITI MAZWIN BINTI KAMARUDDIN
3. NOOR ASYIKIN BINTI MD. NOR
4. NOR RIMA BT MUHAMAD ARIFF
5. NORIAH BINTI OTHMAN
6. MOHD KHAIRUL ANUAR BIN JALIL
7. ROHAYU BINTI AB MAJID

8. SRI RAHAYU BT MOHD SA'AD
9. JULAIDA BINTI KALIWON
10. LILIS SHEREENA BINTI SAFIEE
11. ABDUL 'IZZ BIN MOHAMAD KAMIL
12. NORALIZA BINTI BASRAH
13. HANISAH BINTI YACOB
14. SHAMSIDA BINTI SAIDAN KHADERI
15. SUHANA BINTI ISMAIL
16. EZLINA BINTI MOHD AHNUAR
17. ELY ROUZEE BINTI JAMALUDDIN
18. FIRDAUS BIN CHEK SULAIMAN
19. ABDUL RAUF BIN ABDUL RASAM
20. HAMIZAH BINTI YAKOB
21. KARTINI BINTI KASMURI
22. ANIS SAZIRA BINTI BAKRI
23. ELMA DEWIYANA BINTI ISMAIL
24. MUHAMMAD ADAM BIN ZAKARIA
25. MAWAR BINTI MASRI
26. MOHAMAD TAUFEEK BIN MOHD HANAPIAH
27. NORULELIN BINTI HURI
28. NURULHUDA BINTI ABDUL HAMID @ YUSOFF
29. MOHD SUHAIZAL BIN SUFIAN NORY
30. MUHAMMAD BAHTIAR BIN MASIDIN

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Pemeriksaan Pelan Strategik UiTM 2025 menjadi asas kepada formulasi perancangan strategik Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU) 2021-2025, serta telah mengintegrasikan Rancangan Malaysia Ke-12, dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dalam memacu pendidikan berteraskan Alam Bina. Slogan **Generations of Professional Excellence** mendorong FSPU mencapai keutuhan dalam merealisasikan visi, misi dan nilai yang ditetapkan. Pendekatan **3R: Recognition, Reward and Responsibility** dan **Triple Double** telah diterapkan di dalam budaya warga kerja demi melahirkan warga bercirikan budaya perdana. Prinsip pengurusan kanan yang cakna berpaksikan **Leadership by Example, Delegate, Motivate and Empower** dan didorong oleh strategi **Believe, Strategise and Execute** telah mengasah warga kerja yang berintegriti, bermotivasi, berinovasi dan berkomitmen ke arah penambahbaikan ekosistem pendidikan dan pencapaian FSPU sebagai fakulti Alam Bina yang terkehadapan di Malaysia.

#### **Pelaksanaan**

Pemangkin kepada pelan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di FSPU bertakrifkan visi, misi dan dasar fakulti. Kolaborasi intensif bersama pemegang taruh menjadi agenda utama pengurusan, seiring dengan kehendak pasaran untuk menjamin kebolehpasaran graduan FSPU. Kerjasama utuh bersama Persatuan Alumni FSPU melalui penglibatan alumni di dalam penyampaian PdP, pembangunan dan pemantauan program. Penggembleran sumber yang sistematik dan inovatif seperti pelaksanaan pengajaran secara teradun dan hibrid telah menjamin perluasan ilmu pelajar dalam menangani kemelut COVID-19. Kompetensi teras sebagai unsur pengkayaan ilmu dalam kalangan warga kerja telah mendorong kepada pencapaian positif pelajar dan menyumbang kepada petunjuk prestasi akademik. Pelaksanaan **FSPU Prihatin** melalui **Santuni Kasih** mencerminkan kepimpinan FSPU cakna dengan keperluan pelajar B40. Pengiktirafan lembaga dan badan profesional telah diperolehi oleh semua program di peringkat kebangsaan dan program terpilih di peringkat antarabangsa, justeru itu, telah menjamin kelestarian program di FSPU.

#### **Pemantauan**

Pelan pemantauan PdP FSPU digarap untuk menitikberatkan 3 parameter: status, perkembangan dan kesan pandemik. Pandemik yang berlanjutan sehingga tahun 2021, tidak menggugat status pengiktirafan profesional program. Melalui pemantauan Unit Akademik FSPU, semua program-program FSPU komited terhadap pematuan pemantauan yang ditetapkan oleh pihak lembaga dan badan profesional. Laporan tindakan dan perkembangan PdP dikemukakan kepada pihak-pihak berkenaan ini bagi pematuan keperluan profesional. Pendekatan PdP berdasarkan **Education 5.0** dan **Digital IR 4.0** yang diamalkan telah meyakinkan pihak-pihak berkenaan, justeru status pengiktirafan program telah dapat dikekalkan. Secara holistik pemantauan dibincangkan dalam 3 aras utama pelan pemantauan: (i) aras strategik: mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti, Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan, (ii) aras taktikal: Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Jawatankuasa Kecil Kurikulum Fakulti, Pusat Pengajian, Perancangan Strategik, Kualiti (audit dan risiko) dan NOBLE, dan (iii) aras pelaksanaan operasi yang melibatkan pemeriksa luar, unit makmal, ruang, jadual waktu, dan sumber. Pengukuran parameter berjadual dilakukan dan diberi nilai untuk keputusan yang *reliable* dan *feasible*. Susulan pemantauan, penambahbaikan diterapkan agar mencapai objektif PdP.

#### **Tindakan Penambahbaikan**

Pelan tindakan ke arah penambahbaikan berterusan di FSPU yang berkonsepkan Sistem Pengurusan Kualiti Bersepadu bertepatan dengan dasar jaminan Kualiti Kementerian Pengajian

Tinggi Malaysia. Suara pemegang taruh didengari melalui maklumbalas pelanggan. Laporan pemeriksa luar, panel industri dan badan-badan akreditasi menjadi rujukan utama dalam tindakan penambahbaikan program. Kepimpinan FSPU amat prihatin terhadap teguran pihak berkepentingan. Pendekatan berorientasikan tindakan dilaksanakan mengikut pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang dalam menjamin program di FSPU kekal relevan.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Berpaksikan slogan **Generations of Professional Excellence**, kepimpinan FSPU yang diterajui oleh Dekan telah menampilkan pendekatan profesionalisme dalam aspek PdP (1.2.1 Carta Organisasi FSPU). Seiring dengan visi, misi, dasar, piagam pelanggan dan objektif kualiti dalam memperkasakan konsep **Leadership by Example**, Dekan mengetuai barisan staf akademik memiliki kelayakan profesional (1.2.2 Visi, Misi, Dasar, Piagam dan Objektif Kualiti). Sehingga 2021 seramai **85** staf akademik telah memiliki kelayakan profesional. Untuk memantapkan lagi kewibawaan kepimpinan FSPU, pendekatan **3R (Recognition, Reward and Responsibility) dan Triple Double** diterapkan di dalam budaya kerja warga fakulti. Penurunan kuasa daripada kepimpinan FSPU dalam PdP kepada warga kerja mempamerkan kepercayaan bermotifkan **Delegate, Motivate and Empower** yang mendorong perkongsian hala tuju, tanggungjawab dan kebebasan dalam mengetengahkan idea baru. Menjunjung moto FSPU **Believe, Strategise and Execute** telah berjaya melahirkan warga kerja bercirikan budaya perdana yang mengintegrasikan nilai kepimpinan, integriti, komitmen, kerjasama dan memacu ke arah penambahbaikan berterusan dalam proses PdP (1.2.3a Inisiatif Pengurusan Kanan FSPU, 1.2.3b-c Model Kepimpinan FSPU, Petikan Minit).

Kecemerlangan operasi FSPU diterjemahkan melalui pembudayaan pemeraksanaan digital (ODL dan hibrid) di dalam pelbagai spektrum dan mekanisma. Kepimpinan FSPU cakna bahawa faktor penentu dalam melahirkan sumber tenaga kerja yang cekap dan optima ialah penyediaan persekitaran kerja yang kondusif. Justeru itu, pengagihan kewangan yang sejajar dan komprehensif telah memastikan kelancaran PdP melalui pelantikan pensyarah sambilan berkelayakan profesional dan menaiktaraf keperluan fizikal. Petunjuk Indeks Kegembiraan staf FSPU iaitu 76% bagi tahun 2021 menunjukkan peningkatan 5% berbanding tahun 2020. Ekosistem di tempat kerja kekal harmoni melalui konsep **Open Door** oleh pucuk pimpinan dan komunikasi dua hala **Top-down dan Bottom-up**.

Kelangsungan ini dicapai melalui muzakarah mesyuarat akademik, pengurusan dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (1.2.4 Mesyuarat FSPU). Ruang dan peluang untuk menyuarakan kekusaran terbuka luas tanpa sekatan untuk mengutuhkannya lagi proses pendidikan FSPU. Perkongsian pendapat dan pelaksanaan idea dari semua lapisan warga fakulti menjadi pemangkin dalam kelangsungan fakulti untuk mencapai agenda utama iaitu melahirkan graduan yang bercirikan holistik, dinamik, dan inovatif dalam menepati kehendak pemegang taruh secara spesifik dan berdaya saing.

Kepimpinan FSPU menitikberatkan kemandirian program, justeru itu, untuk menggarap objektif ini, pendekatan sistematik dan terancang telah diterapkan. Hasilnya, semua program di FSPU telah mendapat pengiktirafan oleh lembaga dan badan profesional di dalam dan luar negara (1.2.5a-e Pengiktirafan Lembaga Profesional). Pengiktirafan program mencerminkan kurikulum menepati spesifikasi MQA dan badan profesional. Ini menjamin kelestarian fakulti sebagai pakar rujuk di dalam bidang Alam Bina di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kemelut pandemik COVID-19 telah menyaksikan perubahan landskap ekosistem PdP. Kepimpinan fakulti telah mengambil pendekatan yang sejajar dengan merujuk kepada garis panduan badan profesional untuk memastikan kualiti PdP dan pelajar tidak dikompromi. Penglibatan kepimpinan kanan FSPU secara konsisten di dalam penggubalan dasar, prosedur dan piawai program dengan lembaga profesional merupakan pendekatan yang paling signifikan dalam memastikan program kekal relevan dalam keadaan pandemik. Sebagai contoh, dekan telah mengungguli penglibatan dalam Lembaga Perancang Bandar Malaysia selaku ahli jawatankuasa tertinggi dan pasukan pakar rujuk di dalam membangunkan manual akreditasi program Perancangan Bandar dan Wilayah yang wajib digunapakai oleh institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia. (1.2.5f-k Kepimpinan Kanan dalam Lembaga Profesional).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0013 K01 KB02 20221 FSPU Lampiran Kepimpinan 1.2.1.pdf](#)

- 
2. [F0013\\_K01\\_KB02\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.2.2.pdf](#)
  3. [F0013\\_K01\\_KB02\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.2.3.pdf](#)
  4. [F0013\\_K01\\_KB02\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.2.4.pdf](#)
  5. [F0013\\_K01\\_KB02\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.2.5.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Komunikasi bersistematis merupakan intipati perluasan yang efektif. Objektif dicapai melalui penyebaran maklumat daripada pengurusan kepada warga FSPU menggunakan berbagai mekanisme. Lanjutan konflik pandemik COVID-19 yang berterusan, FSPU telah mengintensifkan pemakluman dalam talian kepada warga FSPU dan pemegang taruh supaya lebih cekap, pantas dan efektif (1.3.1a-b Laman Sesawang, e- *Newsletter* dan Media Sosial).

Semua program di FSPU dipastikan kekal relevan mengikut masa kini dan hadapan. Objektif ini dizahirkan melalui semakan kurikulum 3 hingga 5 tahun mengikut garis panduan lembaga profesional. Penglibatan pakar rujuk industri dan akademik dalam pembangunan akademik program memberi pulangan positif kepada pelajar (1.3.1 c-e Semakan Kurikulum). Sepanjang tahun 2021, 8 daripada 10 program telah dinilai oleh pemeriksa luar, manakala penglibatan panel industri dan alumni sebagai panel kritik dioptimumkan dengan baik.

Kepimpinan FSPU amat komited dalam meningkatkan kompetensi teras di kalangan warga kerja. Untuk merealisasikan strategi ini, pelan tindakan berkonsepkan **3R** telah digerakkan. Barisan Profesor yang merupakan tulang belakang kecemerlangan akademik FSPU telah menggalas tanggungjawab untuk mengetuai portfolio. Inisiatif **mentor-mentee** yang digembeng telah melonjakkan kompetensi teras, memacu motivasi pensyarah, di samping mempromosikan semangat kerjasama dan persaingan sihat. (1.3.2a-b 3R, Mentor Mentee).

Kepimpinan FSPU telah menterjemahkan aspirasi UiTM melalui Perancangan Strategik FSPU 2021-2025 yang di pandu oleh penyelar perancangan strategik (1.3.2c-d Unit Perancangan Strategik) dan telah dinobatkan sebagai kedudukan **200 teratas dalam bidang Alam Bina dunia mengikut subjek** (1.3.3a-c Sijil Pengiktirafan@Top 200). Pengurusan kualiti adalah tunggak jaminan kualiti menyeluruh PdP. Kesyukuran jaminan kualiti menjadi titik tumpu dalam amalan terbaik, dilaksanakan oleh warga FSPU melalui bimbingan pengurusan kanan dipacu melalui **Integrated Quality Management System (iQMS)** yang melibatkan kepatuhan MQA (COPPA dan COPIA), QAEP dan ISO 9001:2015. Pelaksanaan jaminan kualiti bersandarkan manual, prosedur dan proses kerja pengurusan kualiti (1.3.3d-g Dokumen Kualiti) telah diteliti dan diasimilasikan oleh kepimpinan kanan dalam membudayakan kualiti di kalangan warga kerja dan di gerakkan oleh jentera unit kualiti FSPU. Pelaksanaan audit dalam dan mitigasi susulan dapatan audit telah menyelesaikan isu berkaitan PdP seperti proses kerja dan fasiliti pembelajaran. Pandemik COVID-19 yang berterusan telah memberi kesan kepada proses pembelajaran pelajar. Tindakan pantas kepimpinan kanan FSPU melalui pelaksanaan inisiatif **FSPU Prihatin** menerusi **Santuni Kasih FSPU** telah meringankan beban pelajar B40 dengan pemberian 52-unit komputer riba (1.3.3h-i FSPU Prihatin@ Santuni Kasih).

Alumni memainkan peranan yang signifikan dalam mengujudkan jenama pelajar, graduan dan fakulti menerusi pemasaran secara *verbal*. Oleh itu agenda **Kelestarian Alumni** sebagai rakan strategik, dimeterai melalui Persatuan Alumni FSPU (PPAB). Kerjasama erat ini diterjemahkan dalam bentuk perkongsian ilmu, penambahbaikan kurikulum, peluang menjalani latihan industri dan kebolehpasaran graduan (1.3.3j-k PPAB) Penggembengan usaha ini dilanjutkan dalam penjana dana untuk membantu pelajar B40 melalui penajaan **Buku Dekad 50** merupakan pelaksanaan unggul bersifat simbiosis yang mewujudkan sinergi di antara kedua-dua pihak (1.3.4a-c Buku Dekad 50 Tahun).

Kepimpinan FSPU amat peka terhadap tahap kepuasan pemegang taruh. Justeru itu, keseriusan komunikasi secara hibrid melalui mekanisme media sosial dan konvensional diberi keutamaan. Suara pemegang taruh menjadi rujukan utama dalam proses penambahbaikan PdP (1.3.5a-b Media Sosial). Pelaksanaan inisiatif ini memberi kesan yang efektif dalam menjamin FSPU terus kekal relevan dalam bidang Alam Bina di Malaysia dan antarabangsa.

#### **SENARAI BUKTI :**



1. [F0013\\_K01\\_KB03\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.3.1.pdf](#)
2. [F0013\\_K01\\_KB03\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.3.2.pdf](#)
3. [F0013\\_K01\\_KB03\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.3.3.pdf](#)
4. [F0013\\_K01\\_KB03\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.3.4.pdf](#)
5. [F0013\\_K01\\_KB03\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Kepimpinan FSPU memfokuskan petunjuk prestasi akademik bagi mencapai objektif kualiti FSPU dan seterusnya menyokong Dasar Kualiti UiTM (1.4.1.1 Pemetaan Objektif Kualiti). Pelan pemantauan melibatkan pemegang taruh seperti pensyarah, pelajar, pentadbir, industri dan sebagainya supaya pelaksanaan PdP mencapai hubungan antara hasil pembelajaran, aktiviti PdP dan pentaksiran (CLO, PEO, PLO) (1.4.1.2 Aras Pemantauan, Fungsi dan Maklumbalas Pelanggan). PdP berteraskan konsep pendidikan dalam talian **Education 5.0** dan **Digital IR 4.0** dipastikan tidak menjadi halangan kepada proses akreditasi program dan kebolehan pasaran graduan pasca COVID-19 (1.4.1.3 Pemantauan Operasi PdP).

Pemantauan berkala melibatkan pelbagai unit di peringkat pengurusan, pusat pengajian, pentadbiran dan unit-unit sokongan memastikan bidang tumpuan PdP berjalan dengan lancar. Pengalaman pemantauan ketika kemuncak pandemik COVID-19 tahun 2020 diteruskan dan menjadi asas untuk fakulti mengenalpasti penambahbaikan inisiatif bagi memastikan ekosistem pendidikan ideal yang menyokong pelaksanaan PdP era digital ini. Pendekatan **berorientasikan tindakan** terhadap keperluan pematuhan kepada *Program Standard*, keperluan lembaga dan badan akreditasi profesional dalam dan luar negara diberi keutamaan ke arah peningkatan kualiti akademik dan juga akuntabiliti terhadap pemegang taruh. Perubahan drastik ekosistem Pendidikan juga dipantau bagi memastikan kualiti profesionalisma pelajar tidak terjejas (1.4.1.4 Contoh Pemantauan Badan Akreditasi).

Pelan strategik pemantauan fakulti dibahagikan kepada 3 aras utama: (i) aras strategik: melibatkan mesyuarat utama membuat keputusan iaitu Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), (ii) aras taktikal: mesyuarat Jawatankuasa Kecil Akademik Pengajian Siswazah (JKAPS), Jawatankuasa Kecil Kurikulum Fakulti (JKKF), pusat-pusat pengajian, unit-unit utama seperti Perancangan Strategik FSPU, NOBLE, Kualiti (termasuk audit dan risiko) dan lain-lain, dan (iii) aras pelaksanaan operasi yang melibatkan penilaian pemeriksa luar, industri, unit-unit seperti unit makmal, unit ruang, jadual waktu, sumber dan sebagainya. Manakala pematuhan SOP kampus yang di pantau oleh Jawatankuasa Task Force COVID-19 FSPU yang ditubuh pada tahun 2020 diteruskan (1.4.1.5 *Task Force COVID-19*).

Usaha pemantauan ini adalah selaras dengan keperluan piawaian ISO 9001:2015 melalui Sistem Pengurusan Kualiti Bersepadu (iQMS). Fakulti memastikan semua program melalui proses audit dalam, *Self-review* dan semakan penilaian InQKA berteraskan amalan COPIA dan COPPA. Pemantauan menyeluruh ini bukan sahaja menumpukan kepada kurikulum tetapi juga menekankan perancangan dan penggunaan sumber-sumber yang efisien dan efektif.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0013\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20221\\_FSPU\\_LampiranKepimpinan1.4.1.1.pdf](#)
2. [F0013\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20222\\_FSPU\\_LampiranKepimpinan1.4.1.2.pdf](#)
3. [F0013\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20223\\_FSPU\\_LampiranKepimpinan1.4.1.3.pdf](#)
4. [F0013\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20224\\_FSPU\\_LampiranKepimpinan1.4.1.4.pdf](#)
5. [F0013\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20225\\_FSPU\\_LampiranKepimpinan1.4.1.5.pdf](#)

## 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko ialah kesan ketidakpastian kepada pencapaian matlamat Pelan Strategik FSPU yang merujuk kepada pendedahan proses PdP FSPU kepada ancaman dalaman dan luaran yang samada boleh menyokong atau menghalang FSPU dari mencapai objektif kualiti PdPnya. Oleh itu, pelan tindakan risiko sesuatu inisiatif yang diperkenalkan pada tahun 2020, telah dijadikan asas bagi menempuh tahun 2021 yang sangat mencabar (1.4.2.1 Daftar risiko FSPU). Bagi menyokong pencapaian prestasi objektif kualiti, risiko-risiko terhadap PdP dikenalpasti. Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara hibrid telah diperkenalkan pada tahun 2021 setelah hampir setahun PdP dilakukan sepenuhnya secara dalam talian. Sesi PdP yang dilakukan secara hibrid merupakan satu inovasi baru yang diperkenalkan bagi memenuhi keperluan kursus yang berbentuk hands-on. Oleh yang demikian, kuliah 2B telah diperkenalkan bagi membolehkan para pelajar kembali ke kampus untuk menjalani sesi perkuliahan secara bersemuka (1.4.2.2 Pekeliling Akademik Bilangan 01 Tahun 2021).

Pihak pengurusan fakulti lantas mengambil langkah yang proaktif bagi meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran. Peranan jawatankuasa NOBLE juga digiatkan (1.4.2.3a Peranan Jawatankuasa NOBLE dalam Pemantauan PdP). Fokus utama adalah untuk memantau sesi PdP yang dilakukan secara hibrid. Ketua Pusat Pengajian akan memberikan maklumat terkini berkenaan sesi PdP ini terutamanya maklumat berkaitan dengan kekangan pelajar bagi mendapatkan akses internet di kampung halaman serta masalah ketiadaan laptop (1.4.2.3b Laporan Jawatankuasa NOBLE Tahun 2021). Hasilnya, pihak fakulti telah berjaya menyerahkan sumbangan 50 unit laptop kepada para pelajar yang menghadapi masalah peranti elektronik ketika sesi PdP dijalankan. Program Sumbangan Laptop untuk Mahasiswa ini adalah hasil sumbangan daripada pelbagai pihak terutamanya alumni dan para pensyarah melalui penganjuran **Buku 5 Dekad FSPU** (1.4.2.4 Program Sumbangan Laptop untuk Mahasiswa FSPU).

Bagi mengurangkan risiko para pelajar yang akan pulang ke kampus untuk menjalani sesi perkuliahan secara bersemuka, pihak fakulti dengan pantas menubuhkan Jawatankuasa **Task Force COVID-19**. Jawatankuasa ini ditugaskan untuk memantau pematuhan SOP di kampus agar ianya dipatuhi oleh semua pemegang-pemegang taruh dengan mengambil kira pelbagai kepentingan dan kekangan. Pelbagai inisiatif telah diwujudkan seiring dengan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi membendung penularan COVID-19 di dalam kawasan kampus (1.4.2.5 Inisiatif Jawatankuasa Task Force COVID-19).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.4.2.1.pdf](#)
2. [F0013\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.4.2.2.pdf](#)
3. [F0013\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.4.2.3.pdf](#)
4. [F0013\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.4.2.4.pdf](#)
5. [F0013\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.4.2.5.pdf](#)

### 1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FSPU sentiasa komited dan konsisten melaksanakan penambahbaikan berterusan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Proses mengkaji semula pencapaian PEO, PLO dan CLO amat penting bagi merangka strategi yang berkesan untuk tindakan penambahbaikan (1.4.3.1 Laporan CDL-CQI AP229 Tahun 2021). Ianya perlu dilakukan selaras dengan matlamat **pendidikan berasaskan hasil (OBE)** yang menjadi rujukan proses PdP. Proses pemantauan dan penilaian yang berterusan ini menjadi teras utama kejayaan sistem pendidikan (1.4.3.2 AP229 PEO & PLO Mapping).

Prosedur penambahbaikan fakulti adalah berdasarkan kepada input daripada aktiviti pemantauan yang dijalankan berkaitan dengan bidang tumpuan PdP. Strategi penambahbaikan FSPU adalah berdasarkan kepada amalan pensijilan ISO 9001:2015 secara berterusan yang selari dengan dasar jaminan Kualiti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Sebagai sebuah fakulti yang berorientasikan profesional, status pengiktirafan profesional oleh lembaga dan badan akreditasi tidak boleh dikompromi. Input perubahan keperluan semasa pihak kerajaan, institusi dan pemegang taruh seperti trend pasaran semasa industri di analisa untuk tindakan penambahbaikan. Sesi dialog bersama majikan, alumni dan pelajar diadakan bagi mendapatkan input. Input dalam bentuk cadangan dan teguran dari pihak lembaga dan badan akreditasi professional dikaji dan diambil tindakan penambahbaikan melalui pendekatan **berorientasikan tindakan**. Input-input ini digunakan untuk mengkaji semula kurikulum program semasa dan tindakan penambahbaikan direalisasikan melalui semakan kurikulum. Oleh itu, penilaian pemeriksa luar dan panel industri sepanjang tempoh kritikal pandemic COVID-19 tetap diteruskan secara hibrid bagi memastikan program terus inklusif dan relevan. Tindakan ini amat signifikan kerana mempengaruhi penilai pengiktirafan lembaga dan badan akreditasi profesional. Lantikan pemeriksa luar dan panel industri yang tamat tempoh diperbaharui bagi memastikan proses penambahbaikan berterusan (1.4.3.3 Minit Mesyuarat JAF ke-54 FSPU).

Penyemakan semula kurikulum program telah dijalankan bagi memastikan program yang ditawarkan kekal relevan seiring dengan arus perkembangan semasa. Sehingga kini, penyemakan semula kurikulum dilaksanakan secara berkala bagi setiap 3 - 5 tahun. Sistem penyemakan ini dilaksanakan melalui beberapa rujukan hasil aktiviti yang dijalankan seperti laporan pemeriksa luar, panel industri, kajiselidik alumni dan majikan (1.4.3.4 Laporan Panel Industri AP229). Semua aktiviti ini penting bagi menjamin semakan kurikulum yang dijalankan adalah menepati keperluan yang telah digariskan oleh pihak MQA dan juga badan-badan profesional.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20221\\_FSPU\\_LampiranKepimpinan1.4.3.1.pdf](#)
2. [F0013\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20222\\_FSPU\\_LampiranKepimpinan1.4.3.2.pdf](#)
3. [F0013\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20223\\_FSPU\\_LampiranKepimpinan1.4.3.3.pdf](#)
4. [F0013\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20224\\_FSPU\\_LampiranKepimpinan1.4.3.4.pdf](#)
5. [F0013\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20225\\_FSPU\\_LampiranKepimpinan1.4.3.5.pdf](#)

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FSPU mendukung Budaya Perdana UiTM yang berpaksikan tujuh Prinsip Perdana bagi merealisasikan Budaya Kerja Kelas Pertama yang mampan ke arah memacu kecemerlangan UiTM. Pembudayaan penghayatan Nilai dan Etika Warga UiTM sebagai Insan Berihsan juga diberi perhatian oleh FSPU. Justeru, kepimpinan Pengurusan Kanan FSPU komited membentuk warganya yang inovatif dan mampan melalui pembudayaan integrasi pemangkin ekosistem pendidikan yang mendukung objektif kualiti fakulti. Pembudayaan objektif kualiti diterjemahkan dan dicernakan melalui Pelan Strategik FSPU, UiTM 2021-2025 supaya bertepatan dengan visi dan misi UiTM. Intergasi bidang tumpuan direalisasikan melalui pembudayaan tadbir urus organisasi secara holistik yang cekap dan efisien. Sejalan dengan salah satu elemen ikrar kualiti UiTM iaitu **BERUSAHA** mengeluarkan lulusan yang holistik, berkaliber, berkari, berilmu dan bertaqwa, sumber-sumber fakulti digerakkan secara integrasi untuk memenuhi kepuasan pelanggan, keperluan MQA dan piawaian Lembaga serta badan akreditasi profesional (1.5.1 Integrasi Strategik FSPU).

Transformasi PdP yang dinamik digerakkan secara efektif dan konsisten dengan pembudayaan kualiti yang adaptasikan oleh Kepimpinan Kanan dan warganya bagi mencapai objektif kualiti melalui pusat-pusat pengajian, penglibatan pemegang taruh (pelajar, pensyarah, majikan dan alumni, pemeriksa luar, badan akreditasi professional, audit, dan sebagainya) dan unit-unit sokongan FSPU (1.5.2 Pemegang Taruh). Data dianalisis dan dinilai bagi mendapatkan hasil yang menjadi perhatian dan dibincangkan secara **bottom-up**, terlebih dahulu di peringkat pusat pengajian atau unit sebelum diperhalusi untuk keputusan tindakan strategik di Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan fakulti. Mesyuarat ini dikendali dengan cekap dan **berorientasikan tindakan dan nilai** demi peningkatan keberkesanan pelaksanaan ekosistem pendidikan dan penambahbaikannya.

Pusat-pusat pengajian membudayakan pemerksaan kualiti penyampaian PdP bagi memastikan pembentukan graduan dari aspek peningkatan kecekapan dan pengetahuan, kemahiran kognitif dan keperibadian serta mampu mempunyai kerjaya melalui pematuhan kepada lima kluster hasil pembelajaran Malaysian Qualifications Framework (MQF). Integrasi pelaksanaan PdP yang menggabungkan tiga domain utama MQF iaitu Kognitif, Afektif, dan Psikomotorik diberi tumpuan dalam penambahbaikan kelangsungan proses kerja yang progresif dan dinamik dipelbagai peringkat, pengurusan sehingga kepada pelaksanaan. Unit Perancangan Strategik (UPS) menggerakkan pemilik-pemilik indikasi supaya dapat membuat perancangan dan tindakan bagi mencapai prestasi yang disasarkan (1.5.3 Unit Perancangan Strategik). Manakala, Unit Kualiti FSPU berperanan memastikan pelaksanaan PdP berjalan dengan baik dan mencapai objektif. Manual Kualiti FSPU yang terdiri dari prosedur pengurusan kualiti, pengurusan operasi dan sokongan juga dipatuhi (1.5.4 Unit Kualiti). Integrasi ini merupakan nadi penggerak warga UiTM dalam merialisasikan pembudayaan Budaya Perdana UiTM.

Tahun 2021 melihatkan PdP era **Digital IR4.0** dan pembelajaran dalam talian bukan lagi sebagai pilihan, sebaliknya warga fakulti telah mengadaptasi pembudayaan norma baru ekosistem pendidikan ini dengan cemerlang. Evolusi ini tidak lagi mencabar keupayaan pensyarah, sebaliknya telah memacu kreativiti dan inovasi pembelajaran di kalangan pensyarah di mana mampu mengurangkan tekanan kepada pelajar dan mampu mengadunkan aspek-aspek kognitif, emosi, jasmani dan sahsiah. Pengurusan tertinggi FSPU menekan perihal ini bersandarkan kepada **ODL 4.0 Pelaksanaan Model A.D.A.B** sebagai kesinambungan pendekatan **Education 5.0@UiTM**. Kolaborasi jaringan antara akademik dan industri (termasuk alumni) menjadi satu inisiatif ke arah kemenjadian pelajar selaras dengan model A.D.A.B. (1.5.5 Kolaborasi Industri-Akademik). Kolaborasi ini bukan lagi dilihat sebagai satu nilai tambah, sebaliknya merupakan satu pembudayaan integrasi yang diadunkan secara konsisten di dalam penyampaian dan pembangunan program.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_K01\\_KB05\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.5.1.pdf](#)
2. [F0013\\_K01\\_KB05\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.5.2.pdf](#)
3. [F0013\\_K01\\_KB05\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.5.3.pdf](#)
4. [F0013\\_K01\\_KB05\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.5.4.pdf](#)
5. [F0013\\_K01\\_KB05\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Kepimpinan 1.5.5.pdf](#)

## KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

### 2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

#### Perancangan

Pelan Tindakan Strategik Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur 2021 (**PTS\_FSPU2021**) telah dirancang dan dirangka khusus bagi memacu kecemerlangan agenda strategik universiti seiring dengan Model Kepimpinan FSPU dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (PdP). Bertunjangkan 7 program strategik yang diusulkan, FSPU beriltizam memastikan PdP terus cemerlang dalam melahirkan graduan yang cemerlang dan gemilang dalam memenuhi keperluan pasaran dunia. Berikut merupakan program yang menjadi tonggak PTS FSPU2021

1. **AP\_DESH\_2021** (*FSPU Puncak Alam Bina Design Hub*)
2. **AP\_ENT\_2021** (*FSPU (Entrepreneurship)*)
3. **AP\_INF\_2021** (*FSPU (Infrastruktur & Infostruktur)*)
4. **AP\_RIC\_2021** (*FSPU (Research, Innovation and Commercialization)*)
5. **AP\_SeABERC\_2021** (*FSPU\_South of Asia Built Environment Research Centre*)
6. **AP\_SUPERB\_2021** (*Sustainable Profile Education & Research*)
7. **AP\_VAME\_2021** (*FSPU\_Visibility and Media Engagement*).

#### Pelaksanaan

Pelaksanaan semua program di atas adalah berlandaskan kesepakatan semua ahli pelaksana projek di bawah program strategik dengan sokongan padu dari pengarah program yang juga merupakan ahli pengurusan tertinggi fakulti. Pelaksanaan setiap aktiviti projek ini **dipetakan dengan sasaran 60 petunjuk prestasi (Performance Indicator-PI)** yang diturunkan oleh peneraju universiti kepada FSPU. Seterusnya, pencapaian ke atas sasaran semua PI **diagihkan kepada 10 pusat pengajian FSPU** bagi memastikan setiap usaha yang dipertanggungjawabkan **sama-sama digalas warga FSPU** berdasarkan kekuatan dan profil staf dan pelajar masing-masing. Manakala proses PdP tetap diteruskan secara ODL dengan pendekatan integrasi antara *Digital IR 4.0* dan pendidikan *Education 5.0* dalam menyokong sepenuhnya VC *priority project*.

#### Pemantauan

Prestasi pelaksanaan setiap projek strategik dan pencapaian PI ini **dipantau secara berkala** bagi **setiap bulan** dan **sukuan tahun** menerusi beberapa **siri perbincangan** dan perkongsian antara semua pengurus projek, pengarah program dan dekan menerusi capaian *google meet*, kumpulan *whatsapp* dan pautan *Google Drive*. Semua prestasi semasa projek yang dimuatnaik menerusi *googledrive* ini akan disemak oleh Penyelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU) sebelum dimuatnaik ke sistem BTU bagi rekod pencapaian keseluruhan. Prestasi pencapaian petunjuk prestasi (PI) yang disasarkan turut dipantau secara berkala pada setiap bulan sekitar 1 hingga 4 haribulan sebelum dimuat naik ke laman UePMO sebagai rekod rasmi universiti. Pengurusan kanan memandang serius ke atas setiap pencapaian berkala ini. Setiap sasaran PI yang tercicir dari landasan sasaran perlu menjalani **proses audit strategik** yang mendalam berhubung punca dan potensi kebolehlaksanaan. Manakala prestasi PTS yang dpetakan bersama dengan 60 PI dilancarkan **pelan mitigasi** berlandaskan **hasil penilaian risiko** bagi memastikan **projek strategik yang signifikan**, terancang dan sistematik berjalan seiring dengan misi kualiti fakulti dan universiti.

#### **Tindakan Penambahbaikan**

Prestasi semasa ke atas PI dan PTS FSPU2021 yang dipaparkan hasil dari pemantauan berkala dicaturkan dengan **tindakan drastik penambahbaikan**. Mana-mana PI khususnya berkaitan PdP yang belum mencapai sasaran yang telah ditetapkan telah dikaji punca kegagalannya ke atas pencapaian semasa. **Sumber yang berpotensi** bersama **inisiatif terbaik** yang telah dikenalpasti ke arah penyumbangan pencapaian PI dicaturkan sebaik mungkin dalam merencanakan usaha pencapaian secara berterusan. Analisis prestasi keterlibatan dan sumbangan setiap pusat pengajian dalam menyumbang pencapaian PI telah disusuli dengan sesi perbincangan khusus antara setiap ketua pusat pengajian bersama pengurusan kanan bagi memastikan alternatif yang dicatur merupakan solusi terbaik ke atas usaha pencapaian PI sekaligus memastikan pencapaian strategi FSPU pada skala maksima.



## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bertunjangkan misi dan objektif **pendidikan yang berkualiti**, FSPU telah mengorak langkah proaktif dalam usaha mengeluarkan **graduan yang bercirikan holistik, dinamik dan inovatif** walaupun masih berhadapan dengan kemelut pandemik COVID-19. **Pemetaan PTS FSPU 2021 bersama 60 PI strategik** terus dipacu dengan jayanya hasil gandingan Unit Perancangan Strategik FSPU (UPS FSPU) bersama Unit Kualiti FSPU serta sokongan warga FSPU. UPS yang diterajui oleh Penyelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU) dianggotai bersama 12 unit kerja bergerak cergas dalam mengemaskini dan memantau pencapaian data PI. (2.2.1 Carta Organisasi Unit Perancangan Strategik, FSPU). Malah keterlibatan Unit Kualiti FSPU dalam memantau kualiti pengurusan UPS FSPU menampakkan pengamalan konsep **open door** antara dua unit penting fakulti dalam memastikan kejayaan PdP dilakar dalam perancangan strategik.

Justeru pengurusan FSPU telah mengambil inisiatif drastik bagi menjayakan agenda Perancangan Strategik menerusi **keterlibatan semua warga FSPU. Penglibatan Alumni FSPU dalam PdP bersama pelajar** dan sesi perkongsian ilmu bersama alumni menerusi program webinar dan Projek *Landscape Master Plan UCS* di kampus FSPU Puncak Alam berjaya **menyuntik semangat pelajar** untuk terus melakar kegemilangan. Ini terbukti dengan penglibatan pelajar Sarjana Muda Senibina Landskap bagi projek Pelan Induk Landskap Kampus Puncak Alam, (2.2.2: Projek AP DESH 2021). Ia juga telah melibatkan perancangan Projek *FSPU Living Lab*, yang berperanan menggalakkan kerjasama antara universiti, pensyarah, pelajar, industri Alam Bina dan perwakilan badan profesional melalui aktiviti tahunan yang dikenali sebagai PALAM FEST. Pertandingan rekabentuk ini akhirnya telah bertindak sebagai satu **medium perhubungan bersama alumni dan industri** selain berjaya meningkatkan visibiliti fakulti dengan sokongan AP\_VAME\_2021. (2.2.3: Projek AP\_RIC\_4 2021).

Projek *FSPU Media Engagement* antaranya telah berjaya meningkatkan kemahiran penulisan serta penggunaan grafik dalam kalangan pensyarah FSPU. (2.2.4: Projek AP VAME 2021). Manakala, Projek Recording & Promotion antara pendekatan lain dalam PTS FSPU 2021 yang berjaya menjana pendapatan tinggi menerusi penerbitan dan penjualan Buku 5 Dekad FSPU. Malah penjana pendapatan ini juga merupakan penyumbang terbesar ke atas pembelian komputer peribadi khususnya kepada pelajar yang kurang berkemampuan dalam meneruskan aktiviti PdP.

Komunikasi dua hala yang mantap menerusi konsep **Top-Down** dan **Bottom-up** terus berlangsung dalam pengurusan strategik menerusi penempatan unit akademik dan pembangunan Staf yang dikelolai sendiri oleh Timbalan Dekan Akademik serta perwakilan dari 10 pusat pengajian. Gerakan pengemaskinian sasaran PI turut digalas bersama Unit Akademik, Unit Pascasiswazah dan Unit Perhubungan Antarabangsa yang dipertanggungjawabkan **mengawal selia pencapaian 8 PI PdP**. (2.2.5 Penumpuan dan pengelolaan bidang PdP oleh unit Strategik). Manakala pemerksaan 6 PI pembangunan staf yang diselua unit 5 merupakan inisiatif terbaik kearah penjana 85 pensyarah kompeten dalam kecemerlangan PdP menerusi pendekatan 3R (**Recognition, Reward and Responsibility**) dan **Triple Double** (T<sup>3</sup>D<sup>2</sup>) dibawah Program AP\_SUPERB\_2021.

Pengamalan budaya Perdana menerusi penurunan kuasa kepimpinan FSPU yang berteraskan elemen **delegate, motivate and empower** telah berjaya memperkasakan ODL dan hybrid dalam PdP menerusi AP\_DESH\_2021 (FSPU Puncak Alam Bina Design Hub). Moto **Believe**,

strategi dan pendekatan telah terbukti sebagai pemenuh arah kepada para penyaji dan... mencemerlangkan proses pengembangan ilmu. Justeru adalah jelas bahawa kesemua program dan projek strategik yang terlaksana merupakan inisiatif terbaik dalam mencapai misi PdP FSPU dan universiti.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0013\\_P01\\_PB02\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.1.pdf](#)
2. [F0013\\_P01\\_PB02\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.2.pdf](#)
3. [F0013\\_P01\\_PB02\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.3.pdf](#)
4. [F0013\\_P01\\_PB02\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.4.pdf](#)
5. [F0013\\_P01\\_PB02\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.5.pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Proses PdP FSPU adalah sejajar dengan Pelan Tindakan Strategik FSPU 2021-2025 dengan penglibatan 60 petunjuk prestasi, 7 program utama dan 25 projek yang telah dilaksanakan. (2.3.1: Pelan Tindakan Strategik FSPU 2021-2025). (2.3.1 7 Program Strategik FSPU). Pelan Tindakan Strategik FSPU bersandarkan Pelan Strategik Universiti Teknologi MARA 2025 yang mana mensasarkan tiga komponen penting strategik iaitu **Quality Education, Global Excellence** dan **Value-Driven Performance** (2.3.2 Pemetaan PTS FSPU 2021 berlandaskan tiga komponen strategik) dengan penglibatan pengurusan kanan sendiri dalam menerajui program dan projek strategik.

Justeru PTS FSPU 2021 telah diserapkan dengan roh strategik Universiti menerusi keterangkuman kesemua 3 komponen di atas yang telah digembleng UiTM ke arah status *Global Renowned University* di mata dunia. Berteraskan 3 komponen ini juga, pemantauan ke atas semua projek strategik FSPU yang berkuatkuasa pada 2 Januari 2021 telah melalui fasa pemantauan berkala pada setiap kali suku tahunan dengan penelitian khusus bagi memastikan agenda strategik berjaya dicapai.

**Quality Education** telahpun diserapkan dalam 4 projek strategik berikut iaitu *FSPU Living Lab 1, FSPU Living Lab 3, Landscape Master Plan UCS Puncak Alam* dan *FSPU Gallery Puncak Alam*. Ianya berjaya **menyerlahkan kualiti PdP** dalam kalangan pelajar menerusi adunan bersama *Education 5.0* dalam pelaksanaan aktiviti projek strategik FSPU hasil keterlibatan bersama oleh pihak *Industri, Komuniti dan Rakan Smart Alumni*. Pelaksanaan projek strategik secara komprehensif ini juga telah berjaya **memberikan pengalaman baru kepada pelajar** menerusi aktiviti pembelajaran di luar bilik kuliah, iaitu sekitar fakulti dan kampus. Malah projek yang berjalan juga turut **mempertingkatkan hala tuju Greenation yang menjadi agenda UiTM**. (2.3.3: Program AP DESH 2021).

Manakala Program *FSPU Research Innovation and Commercialization* pula amat sinonim dengan kecemerlangan global dan prestasi berorientasi nilai dimana ia berjaya menyuntik semangat warga FSPU untuk terus berkarya secara inovatif dalam kerja penyelidikan dan pengkomersilan yang akhirnya diterapkan dalam **PdP sebagai nilai tambah ilmu** yang disampaikan kepada pelajar.

5 projek sasaran yang terlaksana iaitu *FSPU Research Workshop, FSPU Publication, ICRMBEE, Alumni Engagement* dan *Research Sharing Session* telah berjaya menyulam semangat yang utuh dan berkobar warga FSPU untuk terus menghasilkan penulisan berimpak tinggi (2.3.4: Program AP RIC 2021). Program dan projek yang berstrategikan antarabangsa ini berjaya memacu semangat bersama meletakkan FSPU di mata dunia. Malah penulisan berimpak juga turut menyumbang **sistem PdP terbaik kepada pelajar** menerusi kemajuan pembangunan kurikulum hasil gandingan projek bersama Alumni.

Selain itu pelaksanaan Program *FSPU Visibility and Media Engagement* atau AP VAME 2021 menerusi 4 projek utama turut melonjak keberadaan FSPU di arena Alam Bina. Pelaksanaan projek *FSPU Roadshow Program, Recording & Promotion, Hijaz Kasturi Mission* dan *FSPU Media Engagement* telah berjaya mewujudkan hubungan kerjasama FSPU dengan pihak Media

Perlaksanaan program ini juga berjaya melonjakkan prestasi dan daya saing FSPU dengan

peningkatan penjenamaannya di peringkat antarabangsa menerusi aktiviti mempromosikan program dan hebahan serta perkongsian bersama pihak media. (2.3.5: Program AP VAME 2021).

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_P01\\_PB03\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.1.pdf](#)
2. [F0013\\_P01\\_PB03\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.2.pdf](#)
3. [F0013\\_P01\\_PB03\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.3.pdf](#)
4. [F0013\\_P01\\_PB03\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.4.pdf](#)
5. [F0013\\_P01\\_PB03\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur telah berusaha memastikan objektif dan inisiatif strategik terlaksana dengan berkesan. Tahun 2021 menyaksikan impak yang ketara terhadap sektor pendidikan ekoran dari pasca pandemik dimana para pelajar tidak dibenarkan pulang ke kampus dan menghadiri kuliah secara fizikal. Malah proses PdP pelajar telah berjalan secara maya bagi semua program termasuklah program pelajar yang memerlukan ruangan studio. Justeru itu, setiap pengurus projek telah memainkan peranan penting dalam proses pemantauan ke atas kemajuan setiap projek yang dijalankan supaya ia dapat dilaksanakan dengan baik.

Projek Pelan Induk Puncak Alam Fasa 2 yang telah di rangka bersama tujuh puluh tujuh orang pelajar AP248 telah disenaraikan sebagai projek yang telah tersasar dari garis masa yang ditetapkan. (2.4.1.1 Dokumen SAP 2021). Justeru dalam memastikan projek mencapai sasaran, ketua projek telah mengadakan beberapa kali sesi perbincangan menerusi pelbagai medium bersama kumpulan sasaran dan mencari solusi terbaik ke arah menjayakan aktiviti projek tersebut. (2.4.1.2 Sesi Perbincangan pada 16 Mac 2021).

Pemantauan secara berterusan telah dilakukan sebaik mungkin oleh ketua projek. Ketua projek telah berhubung dengan setiap ketua kumpulan bagi mendapatkan laporan kemajuan semasa pada setiap bulan melalui pelbagai medium seperti google meet, talian telefon dan aplikasi *WhatsApp Group*. Inisiatif tersebut telah berjaya menghasilkan projek Pelan Induk Puncak Alam Fasa 2 dalam tempoh masa yang telah dirangka. (2.4.1.3 Sesi Perbincangan pada 12 April 2021).

Untuk memastikan momentum pelajar berada pada tahap yang memberangsangkan, sesi krit diadakan semula bagi mendapatkan percambahan dan olahan idea baru sejurus tempoh masa yang telah tersasar dari garis masa yang ditetapkan. Ini kerana pelajar terlibat yang berada di semester empat (4), kini telah berada di semester (6) dan akan menamatkan pengajian mereka pada akhir semester. Namun perbincangan dan penghantaran laporan kemajuan tetap diteruskan, walaupun pelajar terlibat telahpun menamatkan pengajian mereka. (2.4.1.4 Laporan kemajuan Pelajar).

Ketua projek telah menyediakan folder secara maya (*google drive*) bagi menyemak penghantaran kemajuan kerja dan hasil setiap kumpulan. Setiap kemajuan aktiviti projek akan dikemaskini secara berterusan bagi memastikan laporan berkala oleh unit kanan PTJ dapat dilakukan. (2.4.1.5 *Paparan Googledrive* penghantaran kemajuan projek)

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0013\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1.1.pdf](#)
2. [F0013\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1.2.pdf](#)
3. [F0013\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1.3.pdf](#)
4. [F0013\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1.4.pdf](#)
5. [F0013\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1.5.pdf](#)

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

PTS\_FSPU2021 menerusi AP\_DESH\_2021 telah mensasarkan “Green Campus Design” yang berupaya mengurangkan suhu pemanasan kampus Bandar Puncak Alam hasil pengekal peratusan ruang hijau yang tinggi disamping pengurangan karbon sekitar kampus. Kejayaan projek ini dijangka menyumbang faedah ruang sosial yang baik samada kepada warga kampus maupun penduduk sekitar Bandar Puncak Alam.

Seramai tujuh puluh tujuh (77) pelajar studio semester 4 (gabungan pelajar dari Kampus Puncak Alam dan pelajar Diploma penerapan dari Kampus UiTM Sri Iskandar) yang terlibat telah dibahagikan kepada sepuluh (10) kumpulan pelajar, yang mana terdapat tema yang sama diberikan kepada 2 kumpulan berbeza bagi meningkatkan daya saing antara pelajar (2.4.2.1 Senarai pelajar, kumpulan dan tema)

Walaubagaimanapun, projek ini telah disenaraikan sebagai projek berisiko pada tahun 2021, ekoran kegagalan menyiapkan Pelan Induk Landskap Kampus Puncak Alam seperti yang disasarkan. Hal demikian kerana tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilanjutkan menyebabkan para pelajar terpaksa mengikuti kelas secara *Online Distance Learning* (ODL) tanpa menghadirkan diri secara fizikal ke studio. Justeru laporan kemajuan projek fasa 2 amat merunsingkan rentetan kurangnya perhatian dan komitmen pelajar ketika ODL dan PKP lanjutan. Pelajar hanya menjalankan sesi krit secara maya tanpa mendapat gambaran jelas ekoran kekangan kehadiran secara fizikal ke studio. Malah terdapat juga pelajar yang menarik diri dari pengajian ekoran komitmen luar dan tawaran pekerjaan lain yang sama sekali menjejaskan agenda projek Pelan Induk Landskap Puncak Alam Fasa 2. (2.4.2.2 Bukti kegagalan pelajar tarik diri pada perbincangan pada 25 Mac 2021).

Sehubungan itu, bagi menjayakan projek ini, kumpulan sedia ada dikecilkan menjadi satu kumpulan sahaja (2.4.2.3: Senarai nama terlibat dengan Task Force). Para pensyarah yang terlibat telah mengambil inisiatif drastik dalam memastikan para pelajar proaktif dalam memberikan maklumbalas ke atas projek yang dilaksanakan. Perbincangan bersama ahli kumpulan pada 11 September 2020 telah mengusulkan Pelan Induk yang baru. (2.4.2.4: Pelan Induk Baru). Pemantauan secara sistematik telah dibuat secara berkala bagi memberikan ruang dan peluang kepada pelajar mendapatkan maklumat jelas berhubung Pelan Induk Baru. Malah perbincangan antara pensyarah dan pelajar juga berlansung mengikut fasa pencapaian kerja telah berjaya mengembalikan semula semangat pelajar untuk terus gigih berusaha menyiapkan kerja projek yang masih bersisa (2.4.2.5 Konsep Pemantauan)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2.1.pdf](#)
2. [F0013\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2.2.pdf](#)
3. [F0013\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2.3.pdf](#)
4. [F0013\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2.4.pdf](#)
5. [F0013\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2.5.pdf](#)

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

2 komponen utama Perancangan strategik FSPU yang terdiri daripada PTS\_FSPU2021 dan 60 Petunjuk Prestasi (*Performance Indicator PI*) dalam pelbagai pemberat (1 sehingga 4) yang menyumbang 5 bintang telah dianalisis tahap pencapaiannya dan dibentangkan di MKSP (2.4.3.1 Peruntukan Laporan Unit Perancangan Strategik dalam MKSP)

Peratusan pencapaian 25 projek strategik dalam PTS\_FSPU2021 telah dinilai impaknya ke atas pencapaian 60 PI yang ada. Projek yang diperuntukkan banyak PI (pemberat tinggi) tetapi mencatatkan progres yang kurang memberangsangkan telah dikaji dengan mendalam berkaitan faktor yang mendorong kegagalan projek tersebut (2.4.3.2 Penilaian Pencapaian PI & PTS). Faktor ini yang telah dikenalpasti diperhalusi dan dikaji sejauh mana ia menjejaskan prestasi berterusan. **Pelan mitigasi dan inisiatif** yang telah diusulkan diawal perancangan juga **dianalisis semula** bagi melihat sejauh mana keberkesanannya dalam mengurangkan kegagalan projek.

Kelestarian projek untuk masa hadapan turut dinilai bagi menentukan samaada projek tersebut patut diteruskan atau sebaliknya dengan **cadangan beberapa tindakan solusi**

- i) Menjalankan projek yang sama dengan aktiviti yang sama
- ii) Menjalankan projek yang sama dengan aktiviti yang berbeza
- iii) Menjalankan projek yang sama dengan tambahan atau pengurangan atau penggantian sebahagian aktiviti sediaada
- iv) Menggabungkan beberapa aktiviti dari pelbagai projek menjadikan satu projek baru
- v) Menjenamakan projek sediaada dengan tema dan misi baru
- vi) Memperkenalkan satu projek baru yang memfokuskan PI kritikal diperingkat FSPU.

#### (2.4.3.3 Solusi kelestarian PTS)

Manakala setiap PI telah disemak kadar frekuensinya pada 25 projek strategik yang telah dilaksana bagi melihat **ketepatan peruntukkan PI mengikut projek** (2.4.3.4 Semakan Penyesuaian dan peruntukan skor PI ke atas PTS). PI dengan pemberat yang tinggi dengan catatan pencapaian peratusan yang rendah telah dilabelkan sebagai **PI kritikal** yang **memerlukan perhatian khusus** dengan **alternatif baru** serta **tindakan penambahbaikan**. Antaranya adalah PI geran penyelidikan dan penerbitan berindeks di peringkat kebangsaan maupun antarabangsa, aktiviti MoU, MoA, *Student Outbound* dan *Inbound*. Justeru semua PI kritikal bersifat sama diletakkan dalam kumpulan yang sama dan disuaikan dengan projek strategik khas bagi perancangan strategik tahun berikutnya. (2.4.3.5 Pengenalpastian PI kritikal yang wajar diberi tumpuan bagi tahun berikut berikutnya)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3.1.pdf](#)
2. [F0013\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3.2.pdf](#)
3. [F0013\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3.3.pdf](#)
4. [F0013\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3.4.pdf](#)

5. [F0013\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3.5.pdf](#)



## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tindakan penambahbaikan yang dibuat hasil dari analisis pencapaian agenda strategik telah **mencetuskan budaya kualiti yang cemerlang** dalam kalangan warga FSPU. Agenda strategik yang dulunya suram kini menjadi perkara utama yang diperdebat dan diperhalusi di dalam setiap mesyuarat PTJ samada diperingkat pengurusan kanan, pusat pengajian maupun unit pengurusan sokongan. (2.5.1 Peruntukan Laporan Strategik dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti). Malah budaya kerja yang berkualiti mula menular dalam kalangan warga FSPU yang kini menjadi pemangkin utama pembangunan insan yang berteraskan Budaya Perdana.

Agenda penambahbaikan perancangan strategik di FSPU menyaksikan semua ahli pengurusan kanan bertungkus lumus mencari solusi terbaik dalam melakar program dan projek strategik bagi menyumbang pencapaian sasaran PI yang diturunkan dari pelbagai peneraju universiti. Malah elemen **sinergi** antara projek strategik yang diusulkan menampakkan kecenderungan semua pihak di FSPU dalam pelbagai peringkat berkolaborasi dalam **menggalas bersama KPI fakulti** (2.5.2 Struktur PTS\_FSPU2021 yang melibatkan pengurusan kanan)

Barisan pengurusan kanan fakulti terus berintergrasi dalam memacu perjalanan projek strategik serta pencapaian semasa PI menerusi **pembentangan PSTU** dalam setiap mesyuarat pengurusan. Sebarang pencapaian PTS\_FSPU2021 dan PI yang kelihatan jauh kebelakang telah **dikenakan tindakan mitigasi awal** dengan pembabitian pengurusan kanan dan PIC PI yang terlibat (2.5.5 Peranan PIC dan Pengurusan Kanan). Pembudayaan turut terpacu dalam pengemaskinian data PI saban bulan yang mana terlaksana hasil kerjasama padu oleh semua PIC. Unit 5 yang berperanan sebagai perantara antara pusat pengajian dan UPS-FSPU sentiasa mengemaskini prestasi pencapaian semasa kepada pusat pengajian, sekaligus memberi ruang kepada KPP untuk menyemak pencapaian PP masing-masing. Maka tercetuslah pembudayaan dalam kalangan PP untuk menyulam segala keperluan sifat 60 PI ke atas program yang dilaksanakan.

Sasaran Keseluruhan PI yang diturunkan bersama sasaran tahunan ke FSPU telah diagihkan kepada 10 Pusat Pengajian (PP) di FSPU mengikut bilangan pelajar dan staf yang ada. Menjadi kelaziman untuk setiap PP menerima seadanya jumlah sasaran yang diperuntukkan bagi setiap PI. (2.5.3 Pengagihan sasaran PI kepada 10 Pusat pengajian). Namun kekuatan dan keupayaan yang berbeza antara PP ini turut ditekankan dalam agenda pencapaian strategik bagi memudahkan setiap PP merancang aktiviti bersama ke arah pencapaian sasaran yang ditetapkan mengikut sifat, kekuatan dan kaedah tersendiri. Maka disinilah wujudnya pembudayaan oleh pengurusan kanan tadi dalam **mengemblend idea dan usaha mencaturkan sasaran PI mengikut PP** disamping memikirkan program dan projek yang bersesuaian untuk dibangunkan bagi memenuhi sasaran PI yang diperuntukkan. (2.5.4 Penyesuaian Program dan Projek Strategik dengan PI FSPU).

**Kebersamaan semua PP** dalam memastikan kejayaan sasaran strategik ini telah dibudayakan lagi dengan penganjuran MAKEF yang sama sekali mengambilkira pencapaian data PI strategik. Setiap pusat pengajian dilihat berusaha bersungguh-sungguh dalam menjuarai kemenangan PP masing-masing khususnya berkaitan penganugerahan kejayaan pusat pengajian dalam aktiviti keusahawan, geran penyelidikan, projek perundingan dan aktiviti penerbitan dalam pelbagai kategori samada berindeks maupun tidak berindeks. Seajar dengan itu PI yang dahulunya berstatus kritikal (penyelidikan dan penerbitan berindek) mula menjadi perhatian khusus dalam penilaian KPI tahunan. Rentetan itu budaya penulisan akademik

Samada bersama menghadapi ujian bersama telah menjadi semangat tagihan dalam rangka warga FSPU. Malah seluruh warga FSPU telah mula cakna akan keperluan KPI penerbitan masing-masing pada kadar ratio 1:1 dan sentiasa komited dalam menggapai kecemerlangan penulisan.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_P01\\_PB05\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.1.pdf](#)
2. [F0013\\_P01\\_PB05\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.2.pdf](#)
3. [F0013\\_P01\\_PB05\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.3.pdf](#)
4. [F0013\\_P01\\_PB05\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.4.pdf](#)
5. [F0013\\_P01\\_PB05\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Aspirasi model kepimpinan FSPU diterjemahkan melalui sasaran terhadap kumpulan sasaran dalaman dan luaran. Ia dapat direalisasikan dengan berpandukan **3 Nilai Teras UiTM** seiring dengan **7 budaya perdana** UiTM yang menjadi pegangan warga FSPU. FSPU komited dalam memastikan pengoperasian PdP secara optimum melalui pemeraksanaan pelbagai strategi. Pelan strategi yang dirangka oleh FSPU dibincangkan secara terperinci diperingkat fakulti seperti MKSP, JKAPS, JAF serta di peringkat pusat pengajian. Perancangan yang dibangunkan adalah mengikut keadaan semasa dengan memastikan tiada gangguan terhadap sistem penyampaian PdP meskipun berdepan situasi pandemik. Ini termasuk **perkongsian pintar** antara alumni, komuniti dan industri melalui beberapa aktiviti yang dibangunkan. Secara prinsipnya, pembentukan pelajar FSPU **bersifat dinamik dan holistik**, memfokuskan pengembangan bakat dan **value driven** meskipun berdepan dengan kekangan dan cabaran di era pandemik.

#### **Pelaksanaan**

Sejajar dengan prinsip **Generations of Professional Excellence** yang menjadi petunjuk prestasi FSPU dalam PdP, bagi mencapai **pendidikan berkualiti** dan seterusnya membawa FSPU ke persada **kecemerlangan global**, pelaksanaan program yang dirancang terus dilaksanakan walau di era pandemik. Proses PdP sepanjang 2021 berlangsung secara hibrid, berjalan dengan lebih lancar dari tahun sebelumnya tanpa meminggirkan 3 aspek utama iaitu **pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berorientasikan nilai**. Segala kekangan yang dihadapi pada awalnya dapat diatasi dengan cemerlang dengan perancangan yang teliti dan hasil dari perbincangan tiga hala antara semua pihak yang terlibat. Prestasi kecemerlangan pelajar dilihat terus meningkat dan tetap diteruskan dengan penglibatan pelajar dalam semua aktiviti dipelbagai peringkat seiring dengan norma baharu dengan membuahkan beberapa kejayaan yang cemerlang. Sejajar dengan norma baharu, penggunaan pelbagai platform terkini antaranya Google Meet, Webex, Whatsapp dan lain-lain sebagai saluran PdP banyak membantu aktiviti PdP dengan jayanya.

#### **Pemantauan**

Pihak pengurusan tertinggi FSPU sentiasa cakna dengan perubahan terhadap kaedah PdP semasa seiring dengan norma baru pendidikan negara. Bagi memastikan pembelajaran secara hibrid sentiasa berada di landasan yang betul, beberapa siri pemantauan secara berkala, yang melibatkan staf akademik diteruskan seperti yang dipraktikkan sebelum norma baru. Ini termasuk **penilaian komprehensif** melalui Audit Dalam dan Luar, Propens dan sebagainya. **Jawatankuasa Pemantauan** telah ditubuhkan untuk menilai dan mengkaji pencapaian dan prestasi dari semasa ke semasa agar sasaran FSPU sentiasa berada pada landasan yang betul. Pihak HEP FSPU sentiasa peka pada permasalahan pelajar dengan mewujudkan pelbagai inisiatif bagi membantu pelajar. Hubungan kerjasama dengan pihak Persatuan pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar berlangsung dengan cemerlang. Badan profesional yang terlibat secara langsung dalam proses pemantauan melalui akreditasi untuk memastikan semua program di FSPU seiring dengan kehendak industri dan seterusnya meningkatkan kebolehpasaran graduan FSPU.

#### **Tindakan Penambahbaikan**

Pelbagai inisiatif sewaktu bermulanya pandemik telah ditambahbaik sebagai langkah

penambahbaikan oleh pihak pengurusan FSPU hasil daripada pemantauan yang telah dijalankan. Antaranya adalah inisiatif **Prihatin FSPU** oleh HEP terhadap permasalahan pelajar. Pihak HEA masih lagi meminta tenaga pengajar agar menyisipkan **elemen empati** kepada pelajar sewaktu sesi pembelajaran dijalankan bagi meringankan beban pelajar. Kumpulan pelajar yang dikenalpasti telah dibenarkan pulang ke kampus berpandukan SOP yang telah ditetapkan mengikut jangkamasa terhad. Berdasarkan penemuan dari pemantauan yang dijalankan, tindakan pembetulan telahpun dijalankan oleh pihak yang terbabit dengan memastikan ianya mempunyai **nilai kesepunyaan** yang bersama antara semua pelanggan dan juga pihak berkepentingan

## 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

### Perancangan

Aspirasi model kepimpinan FSPU diterjemahkan melalui sasaran terhadap kumpulan sasaran dalaman dan luaran. Ia dapat direalisasikan dengan berpandukan **3 Nilai Teras UiTM** seiring dengan **7 budaya perdana** UiTM yang menjadi pegangan warga FSPU. FSPU komited dalam memastikan pengoperasian PdP secara optimum melalui pemeraksanaan pelbagai strategi. Pelan strategi yang dirangka oleh FSPU dibincangkan secara terperinci diperingkat fakulti seperti MKSP, JKAPS, JAF serta di peringkat pusat pengajian. Perancangan yang dibangunkan adalah mengikut keadaan semasa dengan memastikan tiada gangguan terhadap sistem penyampaian PdP meskipun berdepan situasi pandemik. Ini termasuk **perkongsian pintar** antara alumni, komuniti dan industri melalui beberapa aktiviti yang dibangunkan. Secara prinsipnya, pembentukan pelajar FSPU **bersifat dinamik dan holistik**, memfokuskan pengembangan bakat dan **value driven** meskipun berdepan dengan kekangan dan cabaran di era pandemik.

### Pelaksanaan

Sejajar dengan prinsip **Generations of Professional Excellence** yang menjadi petunjuk prestasi FSPU dalam PdP, bagi mencapai **pendidikan berkualiti** dan seterusnya membawa FSPU ke persada **kecemerlangan global**, pelaksanaan program yang dirancang terus dilaksanakan walau di era pandemik. Proses PdP sepanjang 2021 berlangsung secara hibrid, berjalan dengan lebih lancar dari tahun sebelumnya tanpa meminggirkan 3 aspek utama iaitu **pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berorientasikan nilai**. Segala kekangan yang dihadapi pada awalnya dapat diatasi dengan cemerlang dengan perancangan yang teliti dan hasil dari perbincangan tiga hala antara semua pihak yang terlibat. Prestasi kecemerlangan pelajar dilihat terus meningkat dan tetap diteruskan dengan penglibatan pelajar dalam semua aktiviti dipelbagai peringkat seiring dengan norma baharu dengan membuahkan beberapa kejayaan yang cemerlang. Sejajar dengan norma baharu, penggunaan pelbagai platform terkini antaranya Google Meet, Webex, Whatsapp dan lain-lain sebagai saluran PdP banyak membantu aktiviti PdP dengan jayanya.

### Pemantauan

Pihak pengurusan tertinggi FSPU sentiasa cakna dengan perubahan terhadap kaedah PdP semasa seiring dengan norma baru pendidikan negara. Bagi memastikan pembelajaran secara hibrid sentiasa berada di landasan yang betul, beberapa siri pemantauan secara berkala, yang melibatkan staf akademik diteruskan seperti yang dipraktikkan sebelum norma baru. Ini termasuk **penilaian komprehensif** melalui Audit Dalam dan Luar, Propens dan sebagainya. **Jawatankuasa Pemantauan** telah ditubuhkan untuk menilai dan mengkaji pencapaian dan prestasi dari semasa ke semasa agar sasaran FSPU sentiasa berada pada landasan yang betul. Pihak HEP FSPU sentiasa peka pada permasalahan pelajar dengan mewujudkan pelbagai inisiatif bagi membantu pelajar. Hubungan kerjasama dengan pihak Persatuan pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar berlangsung dengan cemerlang. Badan profesional yang terlibat secara langsung dalam proses pemantauan melalui akreditasi untuk memastikan semua program di FSPU seiring dengan kehendak industri dan seterusnya meningkatkan kebolehpasaran graduan FSPU.

### Tindakan Penambahbaikan

Pelbagai inisiatif sewaktu bermulanya pandemik telah ditambahbaik sebagai langkah penambahbaikan oleh pihak pengurusan FSPU hasil daripada pemantauan yang telah dijalankan. Antaranya adalah inisiatif **Prihatin FSPU** oleh HEP terhadap permasalahan pelajar.

Pihak FEA masih lagi meminta tenaga pengajar agar menyisipkan **elemen empati** kepada pelajar sewaktu sesi pembelajaran dijalankan bagi meringankan beban pelajar. Kumpulan pelajar yang dikenalpasti telah dibenarkan pulang ke kampus berpandukan SOP yang telah ditetapkan mengikut jangkamasa terhad. Berdasarkan penemuan dari pemantauan yang dijalankan, tindakan pembetulan telahpun dijalankan oleh pihak yang terbabit dengan memastikan ianya mempunyai **nilai kesepunyaan** yang bersama antara semua pelanggan dan juga pihak berkepentingan

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0013\\_T01\\_TB02\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.2.1.pdf](#)
2. [F0013\\_T01\\_TB02\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.2.2.pdf](#)
3. [F0013\\_T01\\_TB02\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.2.3.pdf](#)
4. [F0013\\_T01\\_TB02\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.2.4.pdf](#)
5. [F0013\\_T01\\_TB02\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.2.5.pdf](#)

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengumpulan data pelanggan adalah perkara utama bagi memastikan kumpulan sasaran tidak terlepas pandang. Bagi menjaga kerahsiaan pelanggan, FSPU menyimpan, memeriksa dan meneliti maklumat pendaftaran semua pelajar melalui data yang diperolehi dari sistem talian SIMS UiTM (3.3.1 Sistem SIMS UiTM). Proses dokumentasi maklumbalas staf akademik, bukan akademik dan pelajar sentiasa diawasi sepanjang masa demi memastikan keberkesanan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, pengurusan akademik dan hal-hal lain adalah terjamin. Keperluan dan kehendak pelanggan terhadap PdP dipenuhi melalui pendekatan secara formal dan tidak formal oleh pihak pengurusan FSPU untuk mendapatkan maklumbalas (3.3.2 Jadual Sistem pengukuran kepuasan pelanggan di FSPU & 3.3.3a Sistem SUFO UiTM). Mekanisme tinjauan melalui borang kajiselidik seperti Google Form, e-Complaint, e-aduan, maklumbalas dari forum dan bengkel, sesi perjumpaan dengan pelanggan telah digunakan sebagai pendekatan formal oleh pihak pengurusan FSPU (3.3.3b Sistem e-Complaint, e-Aduan dan Entrance and Exit Survey). Majlis dialog dan pertemuan dengan pelajar telah dinormalisasikan bermula di peringkat Fakulti (3.3.4 Majlis Pertemuan HEP Dan Pelajar Baru -MDS) diikuti dengan pusat pengajian seawal sesi kuliah bermula bagi memberikan informasi terkini termasuk keperluan prasarana dan kebajikan pada semua pelajar (3.3.5a Slide Ahlan Wasahlan AP229). Manakala kaedah tidak formal pula adalah dengan mengisi borang maklum balas yang disediakan secara dalam talian, di tempat awam seperti kaunter, makmal, kafeteria dan perpustakaan. Melalui dua kaedah ini, FSPU dapat mengenalpasti keperluan sasaran terhadap PdP bagi penambahbaikan kaedah sediaada.

Tahun 2021 menyaksikan penglibatan dan pencapaian pelajar yang cemerlang dalam pelbagai pertandingan samada di peringkat dalaman atau kebangsaan, malah diperingkat antarabangsa. FSPU telah menyalurkan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan pelajar untuk terlibat secara lansung pada semua aktiviti yang berkaitan dengan PdP. Penganjuran beberapa siri webinar pada peringkat Fakulti, pusat pengajian dan pihak luar telah membawa kepada penglibatan pelajar dan staf akademik.

Pendekatan menggunakan **era digital IR4.0 dan Education 5.0** telahpun menjadi sandaran pihak staf akademik bagi memastikan kelangsungan pembelajaran dapat dijalankan sepanjang pandemik Covid 19. Penggunaan aplikasi Ufuture dan MOOC oleh pensyarah FSPU bagi mengendalikan pembelajaran pelajar secara maya telah menjadikan pembelajaran tanpa batasan dijalankan walau dimana pelajar berada. Hasil dari pemantauan pihak pengurusan, jumlah pensyarah yg menggunakan Ufuture pada tahun 2019 hingga 2021 adalah sebanyak 219 orang pensyarah yang mana meliputi 6,160 jumlah kandungan pembelajaran dan 597 jumlah penilaian. Manakala jumlah pelajar FSPU yg menggunakan Ufuture adalah seramai 13,609 (3.3.5b Jadual dan Graf Data Pelajar MOOC di FSPU). FSPU juga turut menganjurkan bengkel khas ufuture kepada staf akademik bagi meningkatkan lagi mutu pengajaran. Ini menampakkan bahawa FSPU sangat komited kepada akses pembelajaran pelajar untuk memastikan pelajar-pelajar FSPU sentiasa mendapat hasil pembelajaran yang baik walaupun banyak kekangan yang berlaku dalam keadaan pandemik covid19. Pihak pengurusan FSPU juga telah menggalakkan staf akademik untuk menggunakan platform digital dan sosial media seperti Youtube, MOOC dan lain-lain bagi membolehkan penyampaian pembelajaran menjadi lebih menarik dan berkesan. Pendekatan penggunaan platform yang pelbagai adalah bagi memastikan jurang akses pelajar yang berlainan latar belakang mampu dikurangkan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_T01\\_TB03\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.3.1.pdf](#)
2. [F0013\\_T01\\_TB03\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.3.2.pdf](#)

3. [F0013\\_T01\\_TB03\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.3.3.pdf](#)
4. [F0013\\_T01\\_TB03\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.3.4.pdf](#)
5. [F0013\\_T01\\_TB03\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.3.5.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

**Berteraskan piawaian ISO 9001:2015** melalui **Sistem Pengurusan Kualiti Bersepadu (iQMS)**, pemantauan dilaksanakan secara konsisten. Komitmen FSPU dalam memastikan kesemua pusat pengajian berkesinambungan terhadap kepentingan kualiti PdP, divisualisasikan dengan memanifestasikan beberapa siri pemantauan melalui proses audit dalam, Self-review dan semakan penilaian InQKA berteraskan amalan COPIA dan COPPA (3.4.1.1a Laporan Audit Dalam). Pengukuhan kualiti pengajaran staf akademik diukur melalui penilaian oleh Jawatankuasa PROPENS FSPU (3.4.1.1b Laporan PROPENS). Pendekatan '**check and balance**' dengan penekanan terhadap kurikulum, perancangan dan juga penggunaan sumber yang lebih efisien dan efektif, telah memartabatkan kualiti PdP di FSPU. Ganjarannya dilihat apabila FSPU **dinobatkan sebagai 200 teratas dalam bidang Alam Bina di dunia mengikut subjek** (3.4.1.1c Poster Pengiktirafan).

Keterlibatan pihak industri dan komuniti profesional dengan pelbagai latarbelakang profesion, meliputi dengan perlantikan pihak tersebut sebagai pemeriksa luar program (3.4.1.2a Surat Lantikan Penilai Luar Program AP229) dan panel industri (3.4.1.2b Surat Lantikan Penilai Industri AP229). **Pemeriksaan hubungan antara FSPU dan pemegang taruh** dilihat dengan komitmen yang jitu dari badan profesional dan alumni. Hasil hubungan erat ini meningkatkan kualiti kurikulum yang dibentuk melalui pandangan yang diberikan sewaktu proses semakan kurikulum dijalankan (3.4.1.3 Maklumbalas Alumni Semakan Kurikulum AP229) berdasarkan kehendak semasa industri (3.4.1.4a Laporan Panel Industri AP229). Tahun 2021 menyaksikan beberapa siri lawatan ke beberapa pusat pengajian FSPU bagi tujuan pemantauan kualiti PdP mengikut apa yang digariskan oleh pihak badan professional.. Seiring dengan penawaran semua kursus yang bertaraf profesional, FSPU sentiasa peka terhadap pandangan badan profesional melalui akreditasi yang dijalankan ini (3.4.1.4b Sijil Akreditasi Program AP229) dalam mengukuhkan kualiti seterusnya meningkatkan permintaan terhadap graduan lepasan FSPU di mata pemain industri (3.4.1.5a Rajah Kebolehpasaran Graduan (GE) FSPU) sejajar dengan konsep pendidikan maya **Education 5.0** dan **Digital IR 4.0**.

Penglibatan Alumni dan Industri (**Alumni and Industrial Involvement Culture**) dalam PdP telah lama dibudayakan oleh program Design Based sebelum era norma baru. Kolaborasi antara program *Design Based* dengan pemegang taruh jelas mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih praktikal dan efektif dikalangan pelajar. Peranan alumni dan industri sebagai panel jemputan (3.4.1.5b Surat Jemputan Industri/Alumni Sebagai Panel Interim) sewaktu sesi krit telah memberi peluang pada pelajar merasai suasana sebenar kerjaya mereka dan seterusnya mendorong pelajar ke arah yang lebih positif.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0013\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.1.1.pdf](#)
2. [F0013\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.1.2.pdf](#)
3. [F0013\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.1.3.pdf](#)
4. [F0013\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.1.4.pdf](#)
5. [F0013\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.1.5.pdf](#)

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Berikutan pengumuman Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pengurusan tertinggi UiTM telah memanggil balik hampir keseluruhan pelajar ke kampus bagi sesi kuliah 2021. Ini telah mendedahkan FSPU kepada pelbagai risiko memandangkan masih lagi berdepan dengan pandemik COVID19. FSPU telah mengklasifikasikan beberapa aktiviti utama yang dilihat berpotensi besar untuk terdedah kepada risiko yang negatif. Melalui penilaian kesan risiko terhadap keadaan semasa, proses mengawalselia risiko berkenaan dikenalpasti (3.4.2.1a Rajah Proses Penilaian Risiko). Pendekatan pengajaran yang pelbagai berpandukan pada latar belakang program yang pelbagai (3.4.2.1b Program *Design Based* dan *Non-Design-Based*), telah membawa kepada **Pelan Kerangka Pengoperasian Kuliah Mengikut Kategori** (3.4.2.2 Jadual perancangan pengoperasian kuliah F2F). Pihak pentadbiran Hal Ehwal Akademik (HEA) FSPU dengan bantuan dari Pusat Pengajian telah menjuruskan kumpulan pelajar yang perlu di panggil balik secara *F2F* berdasarkan keperluan pelajar untuk berada di kampus mengikut kehendak kursus. Kaedah ini dapat mengurangkan risiko yang dihadapi apabila kumpulan pelajar terbabit kembali ke kampus mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh pihak UiTM. Bagi mematuhi garis panduan Lembaga profesional, program *design-based* telah menetapkan kehadiran pelajar secara sepenuhnya *F2F* sejak PKP bermula. Persediaan pengoperasian studio secara berjadual mengikut kumpulan yang sangat optimal telah dilaksanakan bagi mengelakkan jumlah pelajar yang ramai dalam suatu masa seterusnya akan meningkatkan risiko jangkitan COVID19 (3.4.2.3a Jadual penggunaan studio kursus *design based*). Program *non-design based* juga telah menggunakan pendekatan yang sama bagi penggunaan makmal dan bengkel (3.4.2.3b Jadual Penggunaan Makmal dan Bengkel).

Unit Pengurusan Risiko FSPU telah memainkan peranan memastikan semua risiko yang dikategorikan daripada rendah ke ekstrem sentiasa dipantau dan terkawal keseluruhannya (3.4.2.4a Laporan Daftar Risiko FSPU 2021). Perbincangan terperinci telah diadakan sewaktu MKSP bagi mencari kaedah penyelesaian yang terbaik untuk lebih bersedia menghadapi risiko tersebut (3.4.2.4b Minit Mesyuarat MKSP Bil 1/2021-Pembentangan Daftar Risiko). Unit Pengurusan Risiko FSPU yang terdiri daripada wakil-wakil Pusat Pengajian (3.4.2.5 Senarai Jawatankuasa Unit Pengurusan Risiko FSPU bagi tahun 2021-2022), telahpun menghantar daftar risiko tahunan kepada pihak UPR UiTM berdasarkan kepada risiko yang tinggi dan ekstrim sahaja. Daripada risiko yang dikenalpasti ini wakil UPR setiap Pusat Pengajian telah mengambil tindakan susulan bagi memastikan risiko tersebut tidak akan memberi kesan yang tinggi pada pusat pengajian amnya dan fakulti khususnya.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.2.1.pdf](#)
2. [F0013\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.2.2.pdf](#)
3. [F0013\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.2.3.pdf](#)
4. [F0013\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.2.4.pdf](#)
5. [F0013\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.2.5.pdf](#)

### 3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FSPU sentiasa memmanifestasikan amalan “**Plan, Do, Check and Action**” bagi memastikan PdP di semua pusat pengajian sentiasa berkualiti, seterusnya menghasilkan graduan yang cemerlang seiring dengan slogan **Generations of Professional Excellence**. Tindakan penambahbaikan sentiasa seiring dengan semua aduan dan punca risiko yang telah dikenalpasti mengikut ketetapan yang telah diunjurkan oleh pihak pengurusan kanan FSPU. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (3.4.3.1 Minit Mesyuarat MKSP Bil 1/2021) telah menjadi salah satu platform rasmi bagi membentangkan hasil analisa yang telah dicapai dari pelbagai kaedah pemantauan yang dijalankan sepanjang tahun 2021. Semua dapatan yang telah di kenalpasti terus diperbincangkan dengan menyasarkan beberapa tindakan penambahbaikan yang dicadangkan. MKSP memastikan setiap Ketua Jabatan dan wakil Pusat Pengajian lain didedahkan dengan pelbagai dapatan hasil pemantauan yang dijalankan. Ini termasuklah hasil pemantauan yang telah dilaksanakan mengikut ketetapan yang sediaada. Selain daripada itu terdapat juga beberapa siri mesyuarat lain yang menjadi platform menganalisa hasil tindakan penambahbaikan permasalahan semasa berhubung kait dengan PdP. Ini termasuklah Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Akademik, (3.4.3.2 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti Bil 56/2021).

Penglibatan pihak luar seperti pihak industri, universiti luar dan komuniti sebagai pelanggan khusus FSPU dapat dilihat dengan penemuan yang didapati daripada hasil laporan pihak pemeriksa luar dan juga panel industri (3.4.3.3 Laporan Pemeriksa Luar Dan Panel Industri) yang turut diperbincangkan didalam mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) (3.4.3.4 Minit Mesyuarat JAF Bil 54/2021). Maklumbalas yang diterima daripada pihak pelanggan yang dikenal pasti dijadikan sebagai satu kayu pengukur bagi merangka satu strategi bagi tujuan penambahbaikan. Ianya secara tidak lansung banyak membantu pihak FSPU bagi mengenalpasti kelemahan sediaada dan tindakan langkah pembetulan yang perlu diambil. Penglibatan alumni, pihak industry, komuniti dan lembaga profesional dalam membentuk **kurikulum** terkini juga **diperkasakan** bagi memastikan kandungan kurikulum adalah seiring dengan pasaran melalui beberapa tinjauan seperti *Alumni survey* dan *Employer Survey* (3.4.3.5 Hasil Survei Alumni Dan Industri Untuk Semakan Kurikulum AP229). Ini bagi memastikan pelajar sentiasa berdaya saing apabila berada di alam pekerjaan kelak. **Kolaboratif antara alumni dengan FSPU lebih bersifat autonomous** dimana alumni FSPU telah menjadi antara penyumbang terbesar dalam **Tabung Amanah Fakulti** melalui penerbitan **Buku 5 Dekad FSPU** membolehkan sebahagian pelajar terpilih dibantu dengan pemberian komputer riba.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.3.1.pdf](#)
2. [F0013\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.3.2.pdf](#)
3. [F0013\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.3.3.pdf](#)
4. [F0013\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.3.4.pdf](#)
5. [F0013\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.3.5.pdf](#)

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

**Penguatan pakatan strategik** bersama alumni dan industri telah lama terjalin memfokuskan pada keperluan pelanggan melalui **Alumni and Industrial Involvement Culture**. Melalui pembudayaan yang terhasil, peranan alumni dan industri telah membuahkan pelbagai inisiatif dalam menyokong kualiti PdP di FSPU. Pembudayaan yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan ini juga telah membuktikan alumni FSPU sangat **komited dan cakna** dengan kebajikan pelajar melalui sumbangan besar dalam Buku 5 Dekad FSPU. Pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) melalui inisiatif **Santuni Kasih FSPU** yang diwujudkan bagi menyokong keperluan pelajar B40 dari segi bantuan kewangan dan data internet (3.5.1a Minit Mesyuarat Pengurusan kali ke-43). Selain itu, **pemanfaatan budaya alma mater** juga dapat dilihat melalui sumbangan amal komputer riba kepada pelajar berkeperluan menerusi **Tabung Amanah Fakulti**, hasil sumbangan alumni dari penjualan **Buku 5 Dekad FSPU** (3.5.1b FSPU newsletter vol 5 2021).

Proses Inovasi dalam PdP direalisasikan dengan pelbagai bentuk kreativiti dalam pembanguanan bahan PdP yang fleksibel dan dinamik melalui 14 kursus baru **MOOC** yang diperkenalkan pada 2021 (3.5.2a Senarai kursus MOOC FSPU 2021). Kecemerlangan dalam pembudayaan inovasi ini dilihat apabila kursus MOOC FSPU dipertandingkan di **International e-Content Development Competition (eCONDEV)**, anjuran iCEPS, UITM. Kejayaan FSPU dalam merangkul 14 kemenangan dalam Pertandingan MOOC dan Pertandingan OER (Open Educational Resources) (3.5.2b Poster senarai pemenang eCONDEV 2021 FSPU) adalah bukti keberkesanan pembudayaan inovasi di peringkat akar umbi. FSPU turut membudayakan **celebrating success**, meraikan inovasi PdP melalui kategori-kategori berkaitan yang dipertandingkan di dalam Majlis Anugerah Fakulti (MAKEF) (3.5.2c Pemenang MAKEF 2020). FSPU telah lama mengaplikasi kaedah **collaborative teaching** meskipun ia baru disyorkan oleh UITM. Ini jelas dilihat pada dalam penyampaian syarahan secara webinar dan terbuka bagi membudayakan **perkongsian ilmu** oleh penceramah industri jemputan tempatan dan juga antarabangsa (3.5.3a Poster-poster webinar *collaborative teaching*). Kolaborasi ini juga telah lama diadaptasi dalam proses penilaian pelajar, di mana penglibatan penilai luar dari sektor akademik dan industri merupakan keperluan akreditasi (3.5.3b Surat permohonan kelulusan melantik panel pemeriksa luar AP247). Justeru, kecemerlangan bakat pelajar untuk menjadi responsif dapat diserlahkan, sekaligus berupaya menyesuaikan diri serta anjal dalam menyelesaikan isu dan sebarang tugas yang diberikan setaraf dengan pelajar di peringkat local dan antarabangsa (3.5.4a Maklumbalas penilai luar dan dalam AP247). Pelajar juga mendapat manfaat daripada **Perkongsian Alumni** dan juga perkongsian pintar yang telah dijalankan secara berkala (3.5.4b Laporan unit PJI ICAN FSPU). Sesi perbincangan ini berkisar pada topik-topik yang relevan dengan kehidupan pelajar di kampus mahupun di alam pekerjaan (3.5.5a Poster-poster webinar perkongsian alumni). Pencapaian pelajar FSPU tidak dapat disangkal lagi dengan penyertaan dan penglibatan dalam pelbagai pertandingan dan inovasi rentas universiti, kebangsaan mahupun antarabangsa. Hasilnya, pelbagai kemenangan dan inovasi dikecapi, sekaligus melonjakkan ketampakan FSPU dan UITM di persada global. (3.5.5b FSPU newsletter vol 6 2021).

Secara keseluruhannya, kejayaan FSPU dilihat pada kebergantungan pada faktor kewangan, infrastruktur dan komitmen staf yang terdiri daripada kalangan pegawai akademik, pegawai pengurusan dan profesional (bukan akademik) dan kumpulan pelaksana. Dengan itu, FSPU sentiasa memastikan bahawa tiga nilai teras utama UiTM iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berasaskan nilai, yang menjadi **tunjang kebersamaan** akan terus dipupuk, dibudayakan dan diperkukuh untuk pegangan dalam kalangan warga FSPU.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_T01\\_TB05\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.5.1.pdf](#)
2. [F0013\\_T01\\_TB05\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.5.2.pdf](#)
3. [F0013\\_T01\\_TB05\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.5.3.pdf](#)
4. [F0013\\_T01\\_TB05\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.5.4.pdf](#)
5. [F0013\\_T01\\_TB05\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Perancangan yang menyeluruh bagi pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan (PAPP) merangkumi langkah-langkah bagi mencapai objektif kualiti serta pelaksanaan strategik dan matlamat FSPU dan selaras dengan matlamat UiTM. Merujuk kepada Pekeliling Naib Canselor Bil 1 2021 berkuatkuasa 13hb Januari 2021 yang berkaitan dengan pelaksanaan pengoperasian UiTM semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), prosedur dan langkah-langkah strategik dilaksanakan sesuai dengan keadaan semasa. Walaubagaimanapun, setiap langkah PdP dipantau secara berterusan bagi memastikan objektif PdP tercapai dengan jayanya. Perancangan merangkumi aspek kaedah implementasi yang sesuai dan boleh diukur/dianalisis, dipantau dan dipertambahbaik. Perancangan meliputi aspek pengurusan serta penilaian semula ( *review*) yang berterusan semasa tahun 2021 berteraskan model kepimpinan FSPU yang menekankan aspek komitmen yang tinggi dari semua warga akademik dan pentadbiran dan pencapaian objektif kualiti Fakulti.

#### **Pelaksanaan**

Pelaksanaan PAPP secara sistematik menggunakan pengukur utama petunjuk prestasi iaitu KPI universiti dan Fakulti berteraskan prinsip *Generations of Professional Excellence*. Tahap pencapaian FSPU dalam PdP diukur berdasarkan indikator yang ditetapkan. Setiap indikator mempunyai data yang bersesuaian yang dikumpul secara berkala dan dianalisa. Data disimpan dengan cermat dan dapat diakses oleh pihak pengurusan dengan kaedah sistem yang mudah dan selamat bagi menepati prosedur yang ditetapkan oleh Universiti. Pada tahun 2020, penggunaan sistem yang selaras pada peringkat universiti masih digunakan tetapi agak terhad tetapi pada tahun 2021 penggunaan sistem ini lebih diperluaskan, dipermudahkan capaiannya kepada staf, contohnya aplikasi sistem eRes UiTM, GMeet, Webex dan platform sosial media. Ini memudahkan komunikasi di antara tenaga pengajar, pelajar dan pihak pengurusan serta jaringan profesional industri luar. FSPU meningkatkan petunjuk prestasi PdP dengan menambah webinar *knowledge sharing session* bersama industri dalam dan luar negara, badan profesional, organisasi awam tempatan dan antarabangsa yang dimanfaatkan oleh para pelajar dan pensyarah.

#### **Pemantauan**

Pemantauan PAPP dilakukan pada setiap semester, dan dilaporkan dengan terperinci di peringkat Pusat Pengajian oleh Ketua Pusat Pengajian dan AJK yang berkaitan dan seterusnya dibentangkan kepada pengurusan tertinggi Fakulti. Prosedur ini memastikan analisa lebih tepat dan efisien meliputi pembetulan dan penambahbaikan berterusan. Pemantauan kaedah PdP secara *Open and Distance Learning (ODL)* masih mengambilkira kekangan yang dihadapi oleh para pelajar terutamanya yang berada di kawasan pendalaman. Melalui media sosial Youtube UiTM Channel, pandangan para pelajar secara rawak mengenai ODL turut menjadi input untuk langkah pemantauan dari pihak tenaga pengajar, pentadbiran dan fakulti amnya.

#### **Tindakan Penambahbaikan**

Tindakan penambahbaikan PAPP dilakukan secara berterusan menjadi indikator dalam pemberian penghargaan kepada pelajar, pensyarah dan staf pentadbiran. Dari peringkat Fakulti contohnya tindakan penambahbaikan melibatkan beberapa unit khas ditubuhkan bagi menumpukan kepada beberapa kategori kumpulan PI (Performance indicator). Ekoran cabaran pandemik COVID-19 yang bermula pada tahun 2020 beserta arahan PKP, PKPB dan PKPP

yang berlanjutan sehingga 2021 Universiti dan Fakulti terdorong untuk membuat sedikit pindaan dan kesesuaian kaedah PdP secara ODL bagi menyokong pencapaian PI. *Operational Definition* (OD) interim diwujudkan bagi Fakulti mencapai sasaran PI yang ditetapkan dan rujukan untuk penambahbaikan berterusan. Laporan disediakan bagi setiap tujuan untuk rujukan warga FSPU dan dibentangkan pada peringkat pusat pengajian atau peringkat pengurusan tertinggi di dalam mesyuarat yang diminitkan

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kayu pengukur utama yang digunakan sebagai pencapaian prestasi PAPP ialah KPI universiti dan Fakulti berteraskan model FSPU dan prinsip *Generations of Professional Excellence* dalam PdP. Pengukuran pencapaian PdP yang digunakan oleh FSPU adalah merangkumi indikator-indikator seperti berikut **(4.2.1 Indikator Pengukuran pencapaian pengajaran & pembelajaran yang digunakan oleh FSPU dan 4.2.2 Proses pengukuran pencapaian PdP)**

1. SUFO mengukur peratusan pencapaian prestasi pelbagai aspek PdP
2. Entrance-Exit Survey (EES) mengukur skala persepsi pencapaian CLO
3. Analisa PROPENS (2020) & TESA (2021) mengukur pencapaian peratusan analisa sendiri (Self review)
4. Pencapaian Keputusan CGPA dan GPA pelajar dalam Peperiksaan Akhir
5. OBE CDL-CQI mengukur skala pencapaian prestasi kursus
6. Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) staf akademik mengukur peratusan pencapaian staf akademik
7. Keputusan Pemeriksaan Audit Dalaman mengukur aspek pematuhan
8. Keputusan Pemeriksaan Audit Luar mengukur aspek pematuhan
9. Keputusan Akreditasi oleh Badan-Badan Profesional mengukur aspek pematuhan
10. Keputusan Laporan Pemeriksa Luar mengukur aspek pencapaian akademik
11. Bilangan Implementasi Inovasi Pengajaran oleh Pensyarah mengukur sumbangan bahan pengajaran melalui ODL
12. Bilangan kuliah secara MOOC yang dijalankan mengukur peratusan penglibatan kursus
13. Bilangan Pensyarah dengan kelayakan tertinggi seperti (PhD) atau kelayakan professional

Pendekatan menggunakan pelbagai sistem bertujuan merekodkan data pengukuran berkaitan indikator PdP bagi tahun 2020 dan 2021 berdasarkan Dasar PdP **(4.2.3 Dasar Pembelajaran dan Pengajaran 2021 [link https://cidl.uitm.edu.my/uploads/news-activities](https://cidl.uitm.edu.my/uploads/news-activities)**. Penggunaan sistem diteruskan kerana ianya memainkan peranan yang semakin menonjol pada tahun 2021. Sistem sedia ada diselaraskan dan dikembangkan oleh pihak UiTM agar menjadi lebih mudah capai kepada staf akademik/bukan akademik dan pelajar untuk bekerja dan belajar dari rumah (BDR).

Sistem eRes-UiTM yang pada tahun 2020 adalah mudah capai secara *intranet* (dalaman) ditukar kepada mudah capai secara *internet* (luaran) pada tahun 2021. Langkah ini memudahkan pemarkahan direkod dengan konsep BDR (*Work From Home*) **(4.2.4 Panduan menggunakan Sistem eRes-UiTM)**.

Sistem SIMS pada 2021 dikekalkan sebagai intranet akses terhad (ciri keselamatan) untuk merekod dan menganalisa pencapaian keputusan/markah peperiksaan/penilaian akhir; pencapaian keputusan bilangan pelajar AD/GOT/AF/ANC, CGPA dan status akademik pelajar. Arahan/memo mengenai pengemaskinian username dan password yang kukuh dari pihak Infotech perlu dipatuhi warga FSPU.

Sistem platform i-Learn (2020) dan uFuture UiTM/Google Meet/ Google Classroom/ You Tube/FB/Whatsapp/ Zoom/Webex (2021) dan lain-lain platform merekod dan membantu pengurusan sesi PdP mencapai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Pemberian markah melalui SUFO, EES di dalam sistem uFuture dikekalkan sebagai elemen 'feedback' dan pengukuran prestasi pengajar **(4.2.5 Contoh platform sesi PdP dijalankan)**.



Sistem IQA-04 merekodkan maklumat serta ulasan penilaian oleh pihak audit dalaman ke atas pelaksanaan sesuatu program dengan lebih terurus dan terancang. Sistem *GDrive* dan email UiTM merekod dan memberi capaian yang mudah (dengan ciri keselamatan) kepada staf dalam pengurusan data-data berkaitan PdP. Kaedah ini memudahkan staf mengemaskini maklumat atau tugas/laporan terkini kerana ada ciri keselamatan yang boleh kenalpasti nama pemilik *GDrive*, nama ahli dan nama staf yang mengemaskini serta tarikh dan masa pengemaskinian. Melalui kaedah penggunaan internet, capaian boleh dijalankan secara serentak, efisien, dalam masa 24 jam dan ini menjadikan kaedah ini lebih efektif dari segi penggunaan masa.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0013\\_A01\\_AB02\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.2.1.pdf](#)
2. [F0013\\_A01\\_AB02\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.2.2.pdf](#)
3. [F0013\\_A01\\_AB02\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.2.3.pdf](#)
4. [F0013\\_A01\\_AB02\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.2.4.pdf](#)
5. [F0013\\_A01\\_AB02\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.2.5.pdf](#)

### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kaedah yang digunakan untuk membuat penilaian serta kekerapan pengumpulan dan analisis data menggunakan pakai item pengukuran (IP) seperti yang ditunjukkan (**4.3.1: Jadual Item Pengukuran, Data yang digunakan dan Kekerapan Data**). Beberapa IP kualiti PdP iaitu SuFO, EES, GPA, CO dan PO, LO dilaporkan di dalam Laporan CDL-OBE\_SCL untuk menilai prestasi setiap kursus dalam mencapai *Faculty Education Objectives*. Ini memberi petunjuk terhadap pencapaian KPI akademik sebagai rujukan dan pertambahbaikan (*continuous quality improvement-CQI*). Pada peringkat FSPU, AJK Noble membuat laporan (**4.3.2: Laporan Rumusan CDL CQI 2021** dan **4.3.3: Laporan CDL 2021**).

IP kualiti PdP *Students Feedback Online* (SuFO) melalui platform uFuture UiTM merupakan kaedah/mekanisme bagi meningkatkan kualiti PdP dan boleh diakses dan diisi oleh setiap pelajar dan dirujuk oleh setiap pensyarah. Data dalam SuFO untuk tahun 2021 merangkumi persepsi para pelajar terhadap kursus secara keseluruhan, professionalism pensyarah, aktiviti PdP dan aspek infrastruktur/ruang/ kelengkapan peralatan. Analisa data SuFO dilaporkan di dalam Laporan OBE-CDQL setiap semester dan dibentangkan di mesyuarat peperiksaan JAF.

IP kualiti PdP yang seterusnya ialah kaedah EES yang di akses oleh pelajar dan pensyarah dari sistem UFUTURE. Pelajar di survei pandangan mereka terhadap Course *Learning Outcome* (CLO) pada sebelum dan selepas kursus. Setiap pelajar memasukkan persepsi mereka (data berskala) dan analisis dilaporkan di dalam Laporan OBE CDQL. Laporan ini dibentangkan di mesyuarat peperiksaan JAF setiap semester.

IP kualiti pemantauan PdP yang terus diamalkan di FSPU ialah kaedah Professionalisma Pensyarah (Propens) yang berkaitan prestasi pengajaran pensyarah. Pemantauan Propens dilakukan terhadap pensyarah dan pelaporan dilakukan oleh AJK Propens dan dibentangkan di mesyuarat Pengurusan. Pensyarah individu boleh menyemak pemarkahan melalui UFUTURE sebagai rujukan untuk penambahbaikan PdP.

TESA ialah komponen ketiga IP kualiti PdP yang diperkenalkan pada tahun 2021 selepas SuFO dan Propens dan pensyarah boleh mengenalpasti kekuatan dan kekurangan (Self assessment) sendiri dalam menjalankan PdP secara *hybrid*. Data yang diisi di dalam borang kaji selidik secara atas talian diisi oleh setiap pensyarah berkaitan PdP dan dikendalikan oleh Unit Akademik HEA peringkat universiti.

IP kualiti fakulti termasuk kaedah pelaksanaan Audit IQMS oleh pihak INQKA UiTM. Ianya dijalankan setiap dua tahun manakala Audit Dalaman oleh Jawatankuasa Kualiti Fakulti dilaksanakan pada setiap tahun. Laporan Audit Dalaman dibentangkan di Mesyuarat MKSP FSPU ( **4.3.4: Pelaporan Audit Dalam 2021**).

IP pemantauan kualiti PdP seterusnya ialah pencapaian keputusan akhir setiap kursus. Data pemarkahan dan keputusan/gred GPA/CGPA pelajar dikumpul dari sistem SIMS UiTM oleh KPP dan penolong pendaftar akademik FSPU. Pencapaian keputusan akademik dilaporkan di mesyuarat peperiksaan JAF pada setiap semester dan setiap Pusat Pengajian melaporkan *rating* yang dicapai.

IP kualiti akademik yang memantau kualiti PdP seterusnya ialah maklumbalas dari pemeriksa luar tahunan. Pada tahun 2021 COVID-19 dan PKP, lawatan dihadkan atau ditangguhkan. Walaubagaimanapun, laporan kepada badan professional tetap disediakan untuk pemantauan kualiti PdP (**4.3.5: Contoh Laporan Kursus TPS551 untuk Laporan Mid Term Review Lembaga Perancang Bandar Malaysia 2021**). Semakan dokumen dijalankan melalui platform maya seperti GMeet bersama badan akreditasi. Hasil inovasi ODL seperti bahan dan video pengajaran di rekod di dalam *GDrive* HEA Fakulti untuk rujukan pihak pengurusan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_A01\\_AB03\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.3.1.pdf](#)
2. [F0013\\_A01\\_AB03\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.3.2.pdf](#)
3. [F0013\\_A01\\_AB03\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.3.3.pdf](#)
4. [F0013\\_A01\\_AB03\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.3.4.pdf](#)
5. [F0013\\_A01\\_AB03\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan prestasi PdP dilaksanakan oleh FSPU adalah secara berkala dan berperingkat mengikut kekerapan analisa data yang ditetapkan. Bermula semester Mac-Julai 2020 sehingga 2021, peperiksaan akhir diubah kepada Pentaksiran Akhir melalui kaedah terbuka secara ODL dan menggunakan platform yang bersesuaian. Laporan hasil pencapaian keputusan peperiksaan/pentaksiran akhir pelajar dibentangkan di peringkat Pusat Pengajian. KPP akan melaporkan hasil dapatan keputusan berkenaan di peringkat Mesyuarat JAF untuk disemak dan disahkan. Seterusnya, laporan lengkap Analisa Peperiksaan/Pentaksiran Akhir dan pencapaian keseluruhan fakulti dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penilaian Akademik (JKIPA) UiTM. Hasil pencapaian tersebut adalah untuk mengenal pasti kelemahan bagi tujuan penambahbaikan (**4.4.1.1: Contoh Laporan Peperiksaan dan Pentaksiran Akhir oleh FSPU**).

Analisis daripada data-data SUFO, EES, OBE-SCL Implementation dan CO-PO-LO-KO Alignment yang diekstrak dari sistem UFUTURE adalah untuk menyemak pencapaian setiap program akademik pada setiap semester demi memastikan program berkenaan kekal relevan, dinamik dan berkualiti untuk ditawarkan (**4.4.1.2: Contoh Laporan CDL-CQI Oct 2021 program akademik di FSPU**). Selanjutnya, keseluruhan hasil laporan akan disemak oleh Pengerusi Jawatankuasa Noble dan TDA sebelum dibentangkan di Mesyuarat JAF, Mesyuarat Pengurusan dan MKSP dan dapatan dikongsi dengan para pensyarah..

Tambahan lagi, FSPU menggunakan beberapa mekanisme seperti Fail Kursus dan Portfolio Pengajaran bagi memantau prestasi PdP pensyarah. Penilaian sendiri pensyarah bagi mengukur pelaksanaan PdP secara ODL iaitu TESA. Data TESA dianalisa dan dilaporkan oleh AJK Propens dan TDA didalam mesyuarat JAF (**4.4.1.3 Pemantauan Prestasi Pensyarah FSPU**). Langkah ini adalah maklumbalas terhadap prestasi staf akademik secara sendiri. Pada tahun 2021, FSPU menggunakan Pekeliling Akademik Bil 21 Tahun 2021 berkenaan Penggunaan Teaching Effectiveness Index (TEX) sebagai Penilaian Pengajaran 360° (**4.4.1.4 Pekeliling Akademik Bil 21 Tahun 2021**). TEX merupakan satu inisiatif untuk memantau kaedah pengajaran dan pembelajaran secara holistik iaitu 360° mencakupi tiga (3) penjurong iaitu penilaian oleh pelajar (SuFO), penilaian oleh rakan sekerja (peers)(Pro-Pens) dan penilaian sendiri (TESA). Laporan TEX dimajukan untuk semakan di peringkat Jawatankuasa TEX dan seterusnya TDA akan membentangkan pelaporan untuk disahkan di Mesyuarat JAF. Laporan yang dibentangkan memberi penekanan untuk tindakan penambahbaikan oleh Ketua Pusat Pengajian (**4.4.1.5 Laporan Ringkas TEX Semester 20214**).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0013\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.4.1.1.pdf](#)
2. [F0013\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.4.1.2.pdf](#)
3. [F0013\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.4.1.3.pdf](#)
4. [F0013\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.4.1.4.pdf](#)
5. [F0013\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.4.1.5.pdf](#)

#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bermula bulan Mac 2020 sehingga ke tahun 2021, PdP secara ODL dilaksanakan oleh UiTM dengan beberapa cabaran dan kekangan. Setiap cabaran mempunyai elemen risiko yang perlu diberi perhatian agar pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan berjalan lancar. Kegagalan menguruskan dan menangani risiko dengan kadar segera akan menjejaskan fokus pencapaian KPI FSPU KPI UiT. Inisiatif PdP yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa mengambilkira cabaran dan risiko.

Unit Pengurusan Risiko FSPU mengamalkan sikap proaktif dalam mengenalpasti dan menguruskan risiko agar perancangan dan pelaksanaan aktiviti berkaitan akademik (PdP), hal ehwal pelajar, pentadbiran, pengurusan kewangan, penyelidikan dapat berjalan seperti yang sepatutnya. Risiko dan pelan tindakan didaftarkan di sistem pengurusan risiko universiti (eRMS) dan kemudian dibentangkan oleh Unit UPR Fakulti samada di dalam mesyuarat kaji semula pengurusan (MKSP), mesyuarat pengurusan, bengkel/mesyuarat perancangan strategik atau mesyuarat Kualiti **FSPU (4.4.2.1 Pembentangan daftar risiko FSPU dalam MKSP)**. Langkah ini memberi pertunjuk kepada KPP untuk perancangan yang lebih efisien.

Risiko berkaitan penularan Covid dan melibatkan PdP yang dikenalpasti adalah projek seperti *Khemah Ukur*, lawatan akademik dan lawatan tapak justeru, kaedah kawalan alternatif dilaksanakan bagi memastikan objektif pelaksanaannya dapat dicapai dengan medium yang berbeza. Lawatan fizikal alam maya dalam talian atau pemantauan fizikal secara berfasa mengikut kaedah kawalan SOP yang digariskan oleh MKN dan Fakulti dipraktikkan bagi mengurangkan risiko ini. Kaedah ini tetap merujuk kepada CLO setiap kursus untuk memastikan kualiti PdP tidak terjejas.

Tidak dinafikan pengukuran pencapaian pelajar melalui Pentaksiran Akhir ODL di kampus UiTM menjadi risiko yang agak sukar dihadapi oleh pensyarah. Tempoh masa pentaksiran akhir dipanjangkan bagi mengambilkira kekangan capaian internet pelajar. Risiko dan pelan tindakan bagi PAPP PdP yang dikenalpasti bagi FSPU adalah seperti yang disenaraikan di dalam **4.4.2.2 Risiko dan Pelan Tindakan**. Pensyarah mengambil inisiatif dengan menyediakan kertas soalan berfikiran aras tinggi bagi mengurangkan risiko kes peniruan semasa pentaksiran akhir secara dalam talian serta mewajibkan laporan Ouriginal dan Turnitin untuk setiap tugasan (**4.4.2.3 Laporan Turnitin**). Penilaian menggunakan perisian Ouriginal diperkenalkan bagi memantau risiko *similarity index*/plagiarisme disertasi pelajar (**4.4.2.4 Pemakluman Sistem Migrasi Plagiarisme UiTM**) manakala penggunaan kaedah citation yang diiktiraf oleh fakulti dan perpustakaan UiTM boleh mengurangkan risiko isu plagiarisme (**4.4.2.5 Penggunaan Mendeley untuk PdP**)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.4.2.1.pdf](#)
2. [F0013\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.4.2.2.pdf](#)
3. [F0013\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.4.2.3.pdf](#)
4. [F0013\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.4.2.4.pdf](#)

5. [F0013\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran. Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.4.2.5.pdf](#)

#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Penambahbaikan prestasi bermula dengan proses pemantauan oleh pegawai bertanggungjawab iaitu KPP, koordinator, penyelaras dan AJK terlantik bagi setiap program dalam memastikan pencapaian adalah sejajar dengan penetapan sasaran oleh fakulti. Pemantauan pencapaian dilaksanakan dengan menganalisa data yang direkod agar semua pihak dapat mengenalpasti tindakan penambahbaikan. Laporan status pencapaian setiap program yang berkaitan dengan petunjuk OBE-CDL menjurus kepada penilaian CQI serta aspek PdP yang boleh dipertambahbaikan dan pastinya objektif kualiti Fakulti menjadi rujukan utama. Perbandingan pencapaian semasa dengan pencapaian pada semester yang lepas dilakukan menggunakan data yang terkumpul dan suatu penilaian dilakukan untuk melihat kenaikan atau penurunan prestasi program dari indikator-indikator yang telah dijelaskan pada para 4.2. Proses pemantauan secara berkala dan berperingkat berlaku mengikut kekerapan analisa data yang ditetapkan pada setiap akhir semester sebelum dibentangkan di peringkat JAF. **(4.4.3.1: Proses Pemantauan, Pencapaian dan Penambahbaikan Prestasi FSPU).**

Seterusnya, semakan pencapaian oleh KPP dibentangkan kepada TDA, TDHEP serta TDPJI, dan TPK dilakukan bagi mengenalpasti aspek kelemahan untuk tujuan penambahbaikan. Pelaporan status pencapaian oleh ketua bahagian kepada pengurusan tertinggi fakulti dilakukan di dalam Mesyuarat JAF, Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Perancangan Strategik dan Unit Kualiti serta Mesyuarat Kesepakatan **(4.4.3.2: Laporan CDL-CQI FSPU 2021).**

Dalam pengukuhan PdP, hasil laporan CDL-CQI juga dirujuk di peringkat Pusat Pengajian, contohnya dalam penyediaan semakan silibus **(4.4.3.3: Petikan Minit Mesyuarat JAF\_Laporan Closing the Loop and Continuous Quality Improvement CDL-CQI).** Selain itu, Laporan TESA yang disediakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Propens dibentangkan oleh TDA dalam Mesyuarat JAF bagi memastikan penambahbaikan dibuat di setiap peringkat pusat pengajian **(4.4.3.4: Petikan Minit Mesyuarat JAF\_TESA FSPU).**

Kaji semula dan pemantauan pencapaian didokong oleh Unit Kualiti peringkat dalaman dan luaran serta unit perancangan strategik fakulti. Laporan pencapaian objektif/dapatan audit kualiti, dan status pencapaian sasaran BTU turut dibentangkan kepada pihak pengurusan bagi mengesahkan semakan terhadap pelaksanaan dan pencapaian fakulti. Khususnya, Mesyuarat Unit Perancangan Strategik menghasilkan Laporan Penunjuk Sasaran dan beberapa langkah diambil bagi proses penambahbaikan untuk tahun 2021 (**4.4.3.5: Pencapaian PI FSPU 2021**). Setiap hasil analisa data diwar-warkan kepada seluruh warga FSPU melalui mesyuarat di peringkat pusat pengajian serta menerusi mesyuarat fakulti bersama Dekan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.4.3.1.pdf](#)
2. [F0013\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.4.3.2.pdf](#)
3. [F0013\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.4.3.3.pdf](#)
4. [F0013\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.4.3.4.pdf](#)
5. [F0013\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.4.3.5.pdf](#)

## 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

### PENGUKURAN, ANALISA DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN (PAPP)

Pembudayaan proses PAPP menurut pelbagai indikator yang ditetapkan adalah asas dalam penilaian prestasi PdP FSPU. Indikator atau petunjuk mudah dirujuk dan penilaian lebih jelas dan teratur. Setiap indikator diintegrasikan selaras dengan objektif Fakulti contohnya pencapaian CGPA serta peratusan graduan lebih mudah diukur dengan adanya indikator PAPP. Hasil penganalisaan yang diperolehi dibentangkan di peringkat Pusat Pengajian dan Fakulti untuk pengetahuan pembelajaran dan rujukan warga FSPU khususnya berkaitan akademik. Pembudayaan ini memastikan penambahbaikan prestasi dilaksanakan secara komprehensif, berkala, mengikut prosidur kualiti yang ditetapkan Fakulti demi pencapaian KPI UiTM dan KPI FSPU. Pembudayaan penggunaan teknologi juga untuk memastikan adanya komunikasi yang dua hala, efisien dan tepat sentiasa mengambilkira aspek keselamatan serta SOP yang telah ditetapkan. **(4.5.1: Proses Penggunaan Pengetahuan Pembelajaran untuk Penambahbaikan Prestasi Bidang Tumpuan).**

### INOVASI DAN KOLABORASI

Pada tahun 2021, FSPU meneruskan pelaksanaan PdP hybrid: gabungan secara maya/ODL dan bersemuka. SOP kawalan pergerakan kumpulan pelajar yang kembali ke kampus bertepatan dengan prasarana pembelajaran yang bersesuaian. Budaya kerja mengekalkan kualiti dan meningkatkan prestasi PdP diteruskan dan pihak pengurusan fakulti mengenalpasti kursus-kursus yang memerlukan penyampaian secara bersemuka seperti penggunaan studio, makmal, bengkel. Pihak pengurusan juga menggunakan medium yang sesuai secara untuk berkomunikasi bersama para pensyarah dan staf pentadbiran kerana menagamakan SOP yang telah dikenalpasti pihak UiTM. Medium maya seperti U-Future, Google Classroom, Google Form, Zoom, Webex, WhatsApp, Telegram yang bertepatan dengan budaya kerja professional industri untuk sebahagian pelajar diteruskan bagi melancarkan kesinambungan proses PdP malahan memberikan ruang inovasi PdP untuk berkembang. Pembudayaan norma baharu dalam berkomunikasi menggunakan teknologi tanpa menjejaskan penyaluran maklumat mengambilkira ciri keselamatan dan kesihatan semua warga FSPU. Inovasi menggunakan teknologi serta kolaborasi bersama para industri dan pakar akademik luar UiTM semakin meningkat pada tahun 2021 dikukuhkan dengan pemantauan berkala serta penilaian sendiri para pensyarah. Kesemua tindakan norma baharu adalah selaras dengan budaya norma baharu dalam PdP pada ketika negara memasuki fasa endemik ini. **( 4.5.2: Analisa TESA FSPU 2021).**

Integrasi secara inovasi dan kolaborasi di Fakulti merangkumi:

- i. Pembudayaan kaedah PdP hibrid secara bersemuka dan maya seperti Google Meet, Zoom, Webex dan Microsoft Teams.
- ii. Platform maya urusan taklimat pelajar, penghantaran kerja kursus, penyediaan soalan peperiksaan "QBS", penghantaran skrip jawapan peperiksaan, penyeliaan / penghantaran projek tahun akhir / disertasi dengan syarat-syarat wajib Turnitin / Ouriginal menggunakan borang "google form" sebagai bukti penghantaran **( 4.5.3: Proses Penghantaran & Deklarasi Pelajar RES655).**
- iii. Penggunaan Teknologi Dron untuk pengambilan foto semasa lawatan tapak / projek pelajar.
- iv. Penilaian berterusan secara interaktif seperti *Online Quiz: Kahoot, uFuture, Online presentations: Live via Google Meet, Zoom, Webex, Facebook/IG; Video presentations: Youtube, Powtoon, Padlet.NarratedPPT* dan sebagainya.
- v. Kolaborasi dengan pihak alumni dan professional dalam PdP, Webinar, Ceramah Kerjaya, Bengkel dan penempatan Latihan Praktikal pelajar **(4.5.4: Kolaborasi PdP dengan Alumni dan Professional).**



vi. Pencapaian Inovasi dan Kolaborasi di kalangan pensyarah / pelajar / professional / industri dalam pertandingan rekacipta di dalam dan luar negara **(4.5.5: Pencapaian Inovasi dan Kolaborasi dalam penambahbaikan PdP)**

Pematuhan syarat-syarat berkaitan PdP daripada Badan dan Lembaga professional dilaksanakan secara efisien agar tidak menjejaskan pengiktirafan/akreditasi yang telah diterima

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_A01\\_AB05\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.5.1.pdf](#)
2. [F0013\\_A01\\_AB05\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.5.2.pdf](#)
3. [F0013\\_A01\\_AB05\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.5.3.pdf](#)
4. [F0013\\_A01\\_AB05\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.5.4.pdf](#)
5. [F0013\\_A01\\_AB05\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan 4.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Perancangan bersistematik yang berteraskan Model Kepimpinan FSPU melalui **Leadership by example, delegate, motivate & empower** telah memberi keberkesanan penambahbaikan PdP. Perancangan sumber manusia yang strategik di FSPU merealisasikan semua staf memainkan peranan yang optima dalam melahirkan kepimpinan yang dinamik bagi melaksanakan PdP. Perancangan yang optima terhadap sumber manusia (akademik dan bukan akademik) dengan penglibatan menyeluruh semua warga memantapkan pelaksanaan PdP bagi membawa FSPU terkemuka di mata dunia. Perancangan sumber manusia dengan **mengoptimalkan kepakaran** melalui Program *Mentor-Mentee, Triple-double*, penglibatan dengan program pelajar dan komuniti dapat menghasilkan peningkatan bilangan staf akademik dalam kelayakan professional, jawatan Professor dan Doktor Falsafah bagi pemerksaan PdP yang berkualiti. Pendekatan ini memantapkan platform bagi meningkatkan **persekitaran profesional** di FSPU dan seterusnya di UiTM. Perancangan dengan **memantapkan PdP secara kolaborasi serta Visibility and Media** yang diperkenalkan sama ada di dalam atau luar negara merupakan inisiatif FSPU bagi pemerksaan peningkatan ilmu pengetahuan warga FSPU. Beracukan **Celebrating Success** pendekatan FSPU bermotifkan Model Kepimpinan FSPU berteraskan **Recognition, Reward and Responsibility** telah menjadi pemangkin kecemerlangan operasi PdP.

#### **Pelaksanaan**

Pemerksaan pengoptimaan kepakaran dan pengalaman sumber manusia dijayakan bagi membantu FSPU mencapai objektif dan sasaran perancangan. FSPU telah melaksanakan **perluasan kompetensi sumber manusia** dengan wujudnya pelbagai platform proaktif dengan pelancaran pelbagai program seperti kolaborasi akademik dan siri perkongsian syarahan secara global dengan universiti dalam dan luar negara, alumni, pemerksa luar dan pemain industri tempatan dan antarabangsa. FSPU juga melaksanakan pemerksaan inisiatif meningkatkan persekitaran profesional di kalangan sumber tenaga melalui inisiatif **penyelidikan dan perlantikan staf sebagai pakar rujuk**. Dengan termeterainya perjanjian MOU/MOA bersama pemegang taruh ketampakan warga FSPU diserlahkan seiring dengan visi UiTM, *Globally Renowned University* (GRU). Mobiliti pelajar dipertingkatkan melalui kerjasama MOU/MOA. Pelaksanaan pengoptimaan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menambahbaik kualiti PdP **diwujudkan melalui latihan, bengkel, dan pembangunan kerjaya**. Penambahbaikan **ruang dan fasiliti** dipertingkatkan oleh FSPU bagi mengekalkan ekologi persekitaran kondusif ke arah pelaksanaan PdP yang berkesan.

#### **Pemantauan**

FSPU telah melaksanakan pemantauan berterusan bagi memastikan warga FSPU dapat mengekalkan prestasi dan meneruskan legasi kecemerlangan dalam menjayakan PdP yang berkualiti dan berinovasi. Bagi mencapai sasaran, FSPU mengenalpasti pemantauan melalui **penilaian komprehensif** oleh pemerksa luar, lembaga professional serta panel industri terhadap silibus, kurikulum dan tenaga pengajar supaya menepati garis panduan ditetapkan. **Sistem log kerja** dilaksanakan bagi memantau kelancaran pengurusan pentadbiran fakulti. Pemantaun berterusan terhadap **ekologi persekitaran dan sumber manusia** dilaksanakan melalui **tahap kepuasan hati dan aduan sumber manusia**. Tindakan pemantauan berterusan adalah pemangkin pemerksaan profesionalisme sumber manusia dalam menyokong pengendalian sistem kerja PdP FSPU sentiasa berada dalam tahap terbaik dan cemerlang.

## **Tindakan Penambahbaikan**

FSPU komited melaksanakan penambahbaikan terhadap sumber manusia. Selaras dengan model kepimpinan FSPU, pembangunan sumber manusia diterjemahkan melalui kepimpinan “*piers*” iaitu pendekatan 3R, Triple Double dan Program Mentor-Mentee. Aktiviti kepimpinan ini diukur untuk penambahbaikan bagi memastikan petunjuk prestasi pelan tindakan strategik FSPU dicapai. Bagi mengoptimalkan serta memperkukuhkan kebolehpayaan staf dalam mengendalikan PdP, FSPU menggariskan penumpuan penambahbaikan berterusan kualiti pengajaran dengan **memfokuskan kepada jaringan kolaborasi melalui perkongsian ilmu dan kepakaran** bagi mempelbagaikan penyampaian PdP. Justeru itu, pembudayaan inisiatif pengukuhan bakat sumber manusia ditambahbaik, bagi meningkatkan dan memperkasakan kualiti PdP FSPU dan seterusnya UiTM

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

### Mengoptimalkan kepakaran di dalam pembangunan kepimpinan

**Leadership by example**, dan **Delegate, motivate & empower** di dalam Model Kepimpinan FSPU (5.2.1 Model Kepimpinan FSPU) jelas menunjukkan perancangan yang sistematik dapat direalisasikan bagi melahirkan kepimpinan yang dinamik. Pihak pengurusan FSPU sentiasa memberikan galakan kepada staf akademik supaya dapat mengoptimalkan kepakaran melalui Program **Mentor-Mentee, Triple-double**, penglibatan dengan program pelajar dan komuniti. Wujudnya peningkatan bilangan staf akademik yang memperolehi jawatan Professor, Doktor Falsafah dan kelayakan profesional dalam bidang kepakaran masing-masing (5.2.2 Bilangan Staf Akademik). Staf pentadbiran dan teknikal diberi galakan untuk terlibat dalam menjayakan PdP dengan cara mengadakan *sharing session* dan latihan dalam bentuk online. Selain dari kerja hakiki, staf bukan akademik juga diberikan projek tertentu, contohnya Projek Cendera Kenangan yang secara tidak langsung memberi impak penjimatan dalam perbelanjaan operasi FSPU.

### Pembelajaran kolaborasi serta '**Visibility and Media**'

Pendekatan pengajaran secara kolaborasi adalah merupakan satu amalan PdP yang telah lama diterapkan di FSPU sebelum diperkenalkan secara formal kini. Pendekatan '**Visibility and Media**' (5.2.3a Inisiatif FSPU) adalah merupakan inisiatif FSPU bagi memastikan pengetahuan staf akademik, staf bukan akademik dan pelajar dapat ditingkatkan. Merujuk kepada 5.2.3b (Kolaborasi Pengajaran), ramai staf akademik telah berkolaborasi bersama staf di cawangan, universiti dalam dan luar negara, industri dan alumni. Webinar adalah merupakan medium utama dalam pendekatan pengajaran secara kolaborasi. Melalui pendekatan ini, ramai staf FSPU telah menghasilkan penulisan ilmiah yang dikeluarkan di dalam media cetak dan juga atas talian. Ada juga staf yang berkongsi kepakaran mereka dalam bidang masing-masing melalui saluran media elektronik.

### Meningkatkan persekitaran profesional

Melalui Teras **Leadership by Example** dari Model Kepimpinan FSPU, inisiatif lantikan Ar Hijjaz Kasturi sebagai Profesor Adjung merupakan satu ikon bagi meningkatkan persekitaran profesional di FSPU dan UiTM (5.2.4a Pelantikan Ar Hijjaz Kasturi). Sebuah studio pameran hasil karya beliau telah direalisasikan sebagai rujukan PdP para pensyarah dan pelajar. Penglibatan pemegang taruh juga diperkasakan bagi meningkatkan persekitaran profesional melalui penglibatan warga akademik FSPU: (i) di institusi-institusi lembaga dan badan profesional, (ii) sebagai pakar rujuk di agensi kerajaan dan swasta, (iii) sebagai pakar rujuk melalui kolaborasi dengan universiti-universiti di dalam dan luar negara dan (iv) lantikan akademia seperti pemeriksa luar institusi pendidikan tinggi dalam dan luar negara (5.2.4b Penglibatan pensyarah dan surat lantikan).

### Pengiktirafan dan penghargaan

Berteraskan **Recognition, Reward and Responsibility** di bawah Model Kepimpinan FSPU, sumber tenaga kerja telah menjadi pemangkin kecemerlangan operasi PdP. Inisiatif beracukan **Celebrating Success** ini akan menilai tahap produktiviti staf ditingkatkan melalui persekitaran kerja yang kondusif. Pengurusan atasan FSPU sentiasa menghargai setiap kecemerlangan prestasi dan khidmat yang diberikan oleh setiap warga melalui penilaian prestasi tahunan (SKT & LNPT) dengan menggunakan sistem MyATP (5.2.5a Pengisian MyATP). Anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah diberikan kepada setiap staf yang mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan. Walaupun terdapat kekangan penjimatan di dalam pengurusan kewangan fakulti, pengiktirafan warga kerja tetap direalisasikan melalui Majlis Anugerah Kecemerlangan Fakulti (MAKEF). Ianya dilaksanakan melalui penilaian yang adil dan telus oleh jawatankuasa penilai berdasarkan kepada potensi dan kecemerlangan staf dalam bidang pengajaran, penyelidikan, industri dan keusahawanan (5.2.5b Jawatankuasa Penilai). Sijil dan surat penghargaan telah diberikan supaya menjadi pemangkin prestasi bagi

mengekalkan momentum setiap star.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0013\\_S01\\_SB02\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.2.1.pdf](#)
2. [F0013\\_S01\\_SB02\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.2.2.pdf](#)
3. [F0013\\_S01\\_SB02\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.2.3.pdf](#)
4. [F0013\\_S01\\_SB02\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.2.4.pdf](#)
5. [F0013\\_S01\\_SB02\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.2.5.pdf](#)

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

#### Perluasan kompetensi sumber manusia

Model Kepimpinan FSPU diperluaskan dengan mengoptimalkan kepakaran warga FSPU melalui kolaborasi bersama badan profesional dalam dan luar negara, diterjemahkan melalui inisiatif *Triple Double dan Mentor-Mentee*. FSPU telah mengambil langkah proaktif dengan menjalankan pelbagai program seperti kolaborasi akademik dengan universiti dalam dan luar negara dan siri perkongsian syarahan oleh jemputan luar (pemain industri, alumni, pemeriksa luar industri, antarabangsa dan akademik (5.3.1 Kolaborasi Akademik). Pelaksanaan program ini sebagai platform yang efektif kerana pelajar dapat menerima perkongsian ilmu profesional secara langsung. Projek *Info Corner* (5.3.2 Info Corner) di setiap bengkel dan studio dan Wakaf PTAR sebagai *knowledge transfer* juga telah diwujudkan bagi memastikan kejayaan PdP dan kecekapan setiap staf diukur dari setiap projek yang dijalankan.

#### Membudayakan R&D dan Staf sebagai pakar rujuk.

Prinsip kebertanggungjawaban dan integriti menjadi asas dalam menjalankan penyelidikan yang berinovasi sehingga menjadikan staf FSPU diiktiraf oleh pihak luar dan dirujuk kepakarannya. Pembudayaan R&D dan staf sebagai pakar rujuk ditingkatkan melalui termeterinya perjanjian MOU/MOA serta wujudnya mobiliti pelajar-pelajar dan staf (5.3.3 Kepakaran Staf). Staf akademik juga dapat membuat latihan industri dalam bidang kepakaran masing-masing bertujuan untuk meningkatkan kerjaya, pemindahan ilmu dalam menjayakan PdP. Kebanyakan penyelidikan yang dijalankan adalah berkait rapat dengan pembelajaran pelajar. Melalui inisiatif ini, staf akademik dan pelajar dapat melibatkan diri dalam pertandingan yang diadakan seperti pembentangan hasil penyelidikan dalam bentuk poster dan penulisan ilmiah sehingga menghasilkan kemenangan di peringkat dalam dan luar negara.

#### Mewujudkan latihan, bengkel dan pembangunan kerjaya

Pelan perluasan mengoptimalkan kepakaran dipacu melalui pelbagai latihan, bengkel, dan pembangunan kerjaya dalam memperkasakan unit pentadbiran FSPU. Pengoptimuman pengetahuan dan kepakaran pelbagai bidang dapat dilaksanakan dengan inovasi platform yang pelbagai seperti *Google Meet, Webex, Microsoft team, Zoom, FB Live, dan saluran Youtube*. Staf FSPU sentiasa beriltizam melaksanakan setiap bengkel/seminar dengan cekap, berhemah dan berkesan secara berterusan bagi menjayakan PdP. Penglibatan staf dalam menzahirkan pelbagai siri kursus dan latihan profesional, seminar, webinar, *professional talk*, sesi perkongsian PhD dan juga persidangan di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa dapat dijalankan dengan jayanya (5.3.4 Bengkel dan Program). Inisiatif yang dilaksanakan akan memberi impak kepada kewibawaan graduan yang dihasilkan serta sumbangan FSPU kepada ilmu dan masyarakat.

#### Penambahbaikan ruang dan fasiliti

Bagi mengekalkan persekitaran tempat kerja yang profesional, pelaksanaan ***'Infrastructure & Infostructure enhancement'*** adalah merupakan inisiatif FSPU bagi memastikan ruang kerja yang kondusif dan fasiliti yang baik untuk kemudahan pelajar dan staf. Antara pelaksanaan yang dibuat adalah dengan menaik taraf makmal-makmal komputer, makmal Geo-SUG dan makmal *concrete* (5.3.5 Menaiktaraf makmal/bengkel dan ruang). Melalui usaha ini, akan memastikan pelajar-pelajar dapat menggunakan ruang dan fasiliti dengan berkesan dan staf akademik dapat membuat kolaborasi bersama-sama dengan pengeluar, industri awan dan swasta dan alumni. Ruang-ruang makmal/bengkel ini bukan sahaja digunakan oleh warga FSPU, tetapi ianya juga boleh digunakan oleh fakulti lain. Secara tidak langsung usaha ini akan melibatkan hubungan yang baik antara pihak FSPU, UiTM dan industri. Seiring dengan keperluan pelajar, pensyarah FSPU telah berganding bahu bersama PTAR untuk diasimilasikan dan diintegrasikan di dalam PdP. Pelbagai kemudahan telah disediakan seperti pinjaman buku

secara atas talian dari sini webmail seperti [online database](mailto:online_database@uitm.edu.my) dan [new arrivals@uitm library](mailto:new_arrivals@uitm.edu.my).

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_S01\\_SB03\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.3.1.pdf](#)
2. [F0013\\_S01\\_SB03\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.3.2.pdf](#)
3. [F0013\\_S01\\_SB03\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.3.3.pdf](#)
4. [F0013\\_S01\\_SB03\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.3.4.pdf](#)
5. [F0013\\_S01\\_SB03\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

FSPU sentiasa memantau terhadap tahap kepuasan hati warga kerja supaya berada di tahap terbaik demi mencapai sasaran petunjuk prestasi yang ditetapkan (5.4.1.1a Pelan Tindakan Strategik FSPU 2021-2025 & 5.4.1.1b PI Achievement Report).

Kerjasama warga FSPU secara langsung membantu melonjakkan nama dekan FSPU selaku penerima **Anugerah Kepimpinan Terbaik** sempena Anugerah Akademik Universiti (AAU) 2020 dan memberi inspirasi kepada warga FSPU untuk terus cemerlang pada tahun 2021. Dekan FSPU memastikan supaya kejayaan diperolehi oleh warga FSPU selaras dengan moto iaitu **Delegate, Motivate & Empower, Believe, Strategise & Execute**. (5.4.1.2 Minit Mesyuarat Pengurusan).

Pemantauan turut diberikan kepada staf akademik yang melanjutkan pelajaran di peringkat Doktor Falsafah untuk diberikan motivasi supaya mereka dapat tamat belajar dengan jayanya. (5.4.1.2 Minit Mesyuarat Pengurusan).

FSPU prihatin dalam menjamin setiap pelajar menerima pendidikan yang terbaik. *Task Force* khas diwujudkan melalui unit HEP FSPU, untuk memantau keperluan pelajar yang kurang berkemampuan. Selaras dengan slogan **#FSPU Prihatin@Jalinan Kasih**, sumbangan laptop berjumlah **RM71,757.00** disalurkan kepada golongan pelajar yang memerlukan agar mereka tidak ketinggalan dalam menjalani pembelajaran secara ODL. Sumbangan ini adalah kerjasama dengan pihak **Alumni FSPU** melalui hasil jualan **Buku 5 Dekad FSPU** (5.4.1.2 Minit Mesyuarat Pengurusan).

FSPU bertindak memantau jumlah ketidakhadiran pelajar semasa ODL (Bukti 5.4.1.3a Analisis FSPU ODL). **Jawatankuasa Pengajaran dan Pembelajaran** diwujudkan untuk meningkatkan kualiti PdP dan mengenalpasti amalan penilaian pengajaran bersifat 360° (5.4.1.3b Jawatankuasa Pengajaran & Pembelajaran FSPU).

Setiap pusat pengajian bertanggungjawab untuk melantik **pemeriksa luar dan panel industri** dalam memberi khidmat nasihat untuk memastikan silibus menepati kriteria yang ditetapkan (5.4.1.4a Lantikan Pemeriksa Luar & Panel Industri). **Lembaga dan badan profesional** turut dipertanggungjawabkan untuk menilai kurikulum dan pelaksanaan PdP memenuhi syarat yang digariskan (5.4.1.4b Lembaga dan Badan Profesional). Setiap pensyarah perlu mengikuti aktiviti yang dianjurkan oleh badan profesional bagi mengekalkan keahlian dan memastikan keberkesanan ilmu yang disampaikan kepada pelajar adalah relevan.

**Staf bukan akademik** juga diperkenalkan dengan **sistem log kerja** dalam membantu kelancaran pengurusan pentadbiran fakulti. Staf teknikal turut bersama-sama membantu dari segi **alat bantuan mengajar** seperti pembuatan video mengenai tatacara penggunaan peralatan makmal yang dikongsikan bersama pelajar dan pembuatan cenderahati FSPU yang sekaligus dapat menjimatkan kewangan fakulti (5.4.1.5 Staf Bukan Akademik FSPU).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0013\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.4.1.1.pdf](#)
2. [F0013\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.4.1.2.pdf](#)
3. [F0013\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.4.1.3.pdf](#)
4. [F0013\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.4.1.4.pdf](#)



5. [F0013\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia\\_5.4.1.5.pdf](#)

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko diperlukan bagi memastikan setiap permasalahan mempunyai pelan tindakan strategik. Pengenalpastian hazard dilakukan bagi memastikan permasalahan ruang kerja dapat dikawal dan diatasi dengan segera. (5.4.2.1 Borang Hirarc).

FSPU memastikan keberkesanan penyampaian PdP dilaksanakan dengan baik tanpa memberi impak yang negatif kepada pelajar serta keseluruhan sistem pengurusan akademik (5.4.2.2 Slide Pembentangan ODL Feedback MPP FSPU). Isu capaian internet turut dihadapi oleh pelajar dan staf akademik dalam PdP. FSPU telah menjalankan survei dan membantu 780 orang pelajar yang terkesan dengan pemberian data internet yang bernilai RM30 setiap seorang. (5.4.2.3 Pemberian Data Internet)

Pentadbiran FSPU perlu menyimpan data di dalam folder *google drive* kerana kebanyakan urusan adalah secara dalam talian dan melibatkan jumlah data yang besar. (5.4.2.4 Laporan ERMS FSPU 2021). Khemah Ukur, Latihan Amali, Lawatan Tapak dan Lawatan Akademik oleh para pelajar tidak dapat dijalankan. Namun, pelaksanaannya tetap terus dilakukan secara atas talian.

Pengurangan jumlah staf akademik berikutan peningkatan staf yang berpencen. Kesannya, beban pensyarah yang sedia ada menjadi semakin bertambah dan perlu meningkatkan pengambilan pensyarah *Part Time-Full Time* (PTFT).

Risiko kebolehhangkitan virus COVID-19 kepada staf dan pelajar menjadi agenda yang perlu dititikberatkan. Oleh itu, FSPU menubuhkan AJK *Task Force Covid-19 FSPU* untuk menyediakan Garis Panduan Standard Operation Procedures (SOP) bagi memantau ancaman COVID-19 di FSPU (5.4.2.5a Garis Panduan SOP *Task Force* COVID-19 FSPU).

Dalam sesi PdP, staf akademik menghadapi kekangan untuk menggunakan medium pengajaran yang interaktif kepada para pelajar. Oleh itu, FSPU telah menyediakan kursus berteraskan teknologi maklumat kepada pensyarah bagi menambah baik medium pengajaran dan meningkatkan kemahiran pensyarah dalam penggunaan aplikasi serta perisian.

Di samping itu, risiko terhadap pemahaman pelajar yang kurang mendalam dalam sesuatu subjek sewaktu proses PdP. Untuk mengatasi permasalahan ini, staf akademik perlu memastikan pengendalian kuliah direkodkan agar boleh diulang tayang semula oleh pelajar atau link recording diberi kepada pelajar selepas kuliah tamat (5.4.2.5b *Link recording* di U-FUTURE).

Risiko terhadap kemampuan dalam kalangan pelajar dan pensyarah dalam menangani keupayaan mental dan fizikal dalam sesi PdP. Pemantauan secara berkala dengan memberi ruang kemudahan kepada pensyarah dan pelajar untuk mengadakan kelas mengikut keupayaan serta kreativiti masing-masing dalam memastikan kandungan kursus dapat disampaikan sepenuhnya secara berterusan dan efisien.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.4.2.1.pdf](#)
2. [F0013\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.4.2.2.pdf](#)

3. [F0013\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.4.2.3.pdf](#)
4. [F0013\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.4.2.4.pdf](#)
5. [F0013\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.4.2.5.pdf](#)

### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Berlandaskan **Model Kepimpinan FSPU**, warga FSPU menggembeng tenaga untuk memastikan proses PdP dapat dilaksanakan di tahap yang terbaik. Pencapaian petunjuk prestasi (PI) (5.4.3.1a PI Achievement Report UiTM FSPU 2021) dan Pelan Tindakan Strategik FSPU diteliti bagi melihat keberkesanan perancangan dan melakukan penambahbaikan (5.4.3.1b Pelan Tindakan Strategik FSPU 2021-2025).

FSPU turut menambahbaik dari segi kualiti PdP dengan mengadakan **bengkel perkongsian amalan pengajaran** supaya staf akademik tidak ketinggalan dan membolehkan mereka dapat mengaplikasikan medium pengajaran yang lebih interaktif agar dapat menarik minat pelajar dalam suasana pembelajaran kondusif (5.4.3.2 Survey Feedback ODL AP246).

Antara bengkel perkongsian amalan pengajaran termasuk lima (5) kaedah medium pengajaran yang telah dilaksanakan untuk menambahbaik PdP secara ODL di FSPU ialah *Learning UFuture/Google Classroom Management System/Microsoft Team, Video Conferencing (seperti Google Meet, WEBEX, Zoom), Live (seperti WhatsApp, Telegram, Chat), Web 2.0 (seperti Padlet, Trello)* dan Media Sosial (seperti IG, FB, Youtube).

Seluruh warga FSPU diseru untuk melaksanakan **pembudayaan sesi perkongsian (sharing session)** bagi perkembangan ilmu kepada seluruh warga FSPU. Pembudayaan sesi perkongsian ini melalui pendekatan pengajaran secara kolaborasi, penganjuran webinar, penglibatan badan profesional, kolaborasi bersama alumni serta kerjasama dengan universiti tempatan dan antarabangsa (5.4.3.3 Siri Webinar FSPU). Selain itu, untuk memotivasikan staf akademik yang sedang dalam pengajian Doktor Falsafah, beberapa siri webinar **PhD Sharing Session** turut diadakan untuk memberi galakan dan penambahan ilmu kepada staf akademik dalam menyelesaikan urusan pengajian mereka di peringkat PhD.

Justeru, menjadi tanggungjawab setiap pusat pengajian untuk memantau dan seterusnya menambah baik kaedah PdP agar tidak memberi kesan negatif kepada pelajar dan staf yang terlibat. Staf bukan akademik turut membantu dalam memastikan segala urusan pentadbiran dan PdP di FSPU berjalan dengan lancar. Staf teknikal turut membantu dari segi **alat bantuan mengajar dan projek kerjasama kreatif** seperti pembuatan video tentang penggunaan peralatan di bengkel dan makmal komputer, pembinaan wakaf PTAR FSPU dan pembuatan cenderahati FSPU (5.4.3.4 Staf Bukan Akademik FSPU).

FSPU turut memberi penganugerahan kepada staf akademik dan staf bukan akademik untuk meningkatkan lagi produktiviti dan keberkesanan sumber manusia melalui **pembudayaan kecemerlangan** (5.4.3.5 MAKEF 2021). Ini akan menjadi suatu platform bagi semua warga kerja FSPU meningkatkan kualiti kerja dan memotivasikan warga FSPU supaya sentiasa berdaya saing.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.4.3.1.pdf](#)
2. [F0013\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.4.3.2.pdf](#)
3. [F0013\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.4.3.3.pdf](#)
4. [F0013\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.4.3.4.pdf](#)
5. [F0013\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.4.3.5.pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberkesanan penambahbaikan pengurusan sumber manusia dengan perancangan sistematik dan perluasan terancang menjadi pemangkin kepada pembudayaan keberkesanan PdP FSPU. Hasil tindakan penambahbaikan optima kepakaran di dalam pembangunan kepimpinan, pengajaran secara kolaborasi serta *Visibility and Media*, pakar rujuk dan meningkatkan persekitaran profesional telah memberi impak peningkatan keberkesanan tahap pembudayaan penglibatan sumber manusia terhadap pelaksanaan PdP yang berkesan dan cemerlang. Keberkesanan tindakan Dekan dalam Model Kepimpinan FSPU melalui **Leadership by example, delegate, motivate & empower** telah memberi penambahbaikan PdP seluruh warga FSPU. Keperkasaan Model Kepimpinan FSPU ini telah menghasilkan peningkatan **pembudayaan kepimpinan dinamik** dan **berintegriti** dalam **amalan budaya perdana** budaya kerja warga FSPU. Budaya ini diaplikasikan oleh seluruh warga FSPU secara **horizontal dan vertical**. Pembudayaan horizontal dilihat melalui proses integrasi dikalangan rakan setugas dan vertikal dilihat melalui **top down** dan **bottom up**. Keberkesanan tindakan penambahbaikan berlandaskan kepimpinan “*piers*” iaitu pendekatan 3R, Triple Double dan Program Mentor-Mentee (5.5.1 Inisiatif FSPU dan Program Mentor-Mentee) telah menambah baik kerjaya dalam peningkatan bilangan staf akademik yang memperolehi jawatan Professor, Doktor Falsafah dan kelayakan profesional mengikut bidang di peringkat tempatan dan antarabangsa (5.5.2 Bilangan dan Poster Kepakaran dan Kelayakan Kerjaya Warga FSPU).

Kesinambungan **pembudayaan kolaborasi dan integrasi** yang melibatkan penganjuran webinar bekerjasama dengan badan profesional, universiti tempatan dan antarabangsa telah meningkatkan visibiliti FSPU (5.5.3 Pendekatan Kolaborasi). **Budaya kerja kelas pertama** yang berintegriti dan bekerjasama ini telah meningkatkan nilai dan ilmu selari dengan agenda UiTM 2025 yang berteraskan **Value Driven** kepada warga FSPU dan pelajar khususnya. Bagi staf bukan akademik, pembudayaan melalui **proses kerja berpasukan** telah menghasilkan **projek kerjasama kreatif**, secara tidak langsung budaya ini dapat menerapkan amalan baik warga FSPU dalam budaya penjimatan perbelanjaan FSPU dan khususnya kepada UiTM dalam pengeluaran cenderahati samada bagi warga dalaman dan luaran (5.5.4a Projek Cendera Kenangan). Penambahbaikan melalui pelaksanaan **Wakaf PTAR FSPU** telah dapat membudayakan amalan perkongsian ilmu, justeru dapat menambah baik peningkatan ilmu dalam PdP yang lebih berkualiti dan berinovasi. Semua warga FSPU boleh mewakafkan buku bagi kegunaan staf dan pelajar (Bukti 5.5.4b Wakaf PTAR FSPU).

Amalan norma baru yang menjurus kepada proses PdP, diiktiraf melalui anugerah khas yang dianjurkan oleh fakulti iaitu Majlis Anugerah Kecemerlangan Fakulti (MAKEF), dimana ini memacu **pembudayaan kecemerlangan akademik** (5.5.5: Senarai Anugerah Khas & Photo MAKEF FSPU: Tokoh Akademik, Ahli Akademik Harapan, Pengajaran, Inovasi Pengajaran & Pembelajaran dan Pembangunan Isi Kandungan). Objektif MAKEF ini adalah untuk memberi pengiktirafan staf akademik dan bukan akademik yang telah mencapai pelbagai kejayaan dan pencapaian. Pengiktirafan ini telah memberi dan meningkatkan motivasi serta daya saing dikalangan semua warga FSPU (staf akademik dan staf bukan akademik). Anugerah penghargaan dan pengiktirafan ini menjadikan penerima anugerah sebagai icon kepada warga FSPU yang lain untuk berusaha melaksanakan beberapa penambahbaikan pembangunan isi kandungan serta pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berinovasi. Anugerah ini diharap dapat memberi suntikan semangat kepada warga FSPU yang lain untuk terus bergiat aktif dan seterusnya mengadaptasi norma baharu dengan menerapkan kebertanggungjawaban yang sama dalam **budaya kerja berkualiti** untuk berusaha mencipta kejayaan serta merealisasikan kecemerlangan FSPU di masa hadapan. Budaya ini seterusnya dapat meningkatkan seluruh sumber manusia FSPU dalam meningkatkan PdP yang berkualiti dan berinovasi.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_S01\\_SB05\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.5.1.pdf](#)

2. [F0013\\_S01\\_SB05\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.5.2.pdf](#)
3. [F0013\\_S01\\_SB05\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.5.3.pdf](#)
4. [F0013\\_S01\\_SB05\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.5.4.pdf](#)
5. [F0013\\_S01\\_SB05\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Pembangunan PdP di FSPU adalah seiring dengan keperluan dan aspirasi Dasar Pendidikan Negara yang berlandaskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, Education [5.0@UiTM](#), Pekeliling Akademik UiTM, Perancangan Strategik FSPU dan Objektif Kualiti FSPU. Seajar dengan pengiktirafan global melalui *QS Ranking* dan kebolehpasaran graduan, FSPU beriltizam dalam memastikan operasi PdP berjalan lancar untuk memastikan program di FSPU relevan dan memenuhi kehendak universiti dan industri. Perancangan operasi PdP di FSPU dilakukan dengan mengambilkira silibus yang terkini dan relevan, keperluan pelajar dipenuhi, pensyarah yang kompeten dan disokong dengan pentadbiran yang cekap dan telus. Pelbagai sumber daripada dasar, peraturan, garis panduan dan manual UiTM telah digunakan untuk memastikan kelancaran PdP di FSPU.

#### **Pelaksanaan**

Pelaksanaan PdP di Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU) dilaksanakan secara sistematik melalui kaedah yang sesuai, efektif dan terancang beserta persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk menghasilkan graduan yang berkualiti. Penglibatan badan profesional dan ahli industri dalam PdP telah menjadi budaya di pusat-pusat pengajian. Badan profesional dan ahli industri telah terlibat secara aktif melalui pelaksanaan webinar dan siri *professional talk* disamping menjadi panel penilai untuk tugas atau projek akhir pelajar. Selaras dengan keperluan ODL, FSPU telah mengambil inisiatif untuk mengenalpasti pelajar yang kurang berkemampuan melalui pemberian komputer riba dan bantuan data internet kepada pelajar yang memerlukan. Ini adalah untuk memastikan pelaksanaan PdP yang menyeluruh dan tiada pelajar yang ketinggalan. Produk akhir dari proses PdP adalah graduan (pelajar berstatus TAMAT/GOT). FSPU mengenalpasti dua proses utama yang menyokong keseluruhan PdP, iaitu operasi di peringkat Hal Ehwal Akademik dan operasi di peringkat pentadbiran FSPU. Pelaksanaan adalah berpandukan pelbagai pekeliling dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh universiti dan lembaga profesional.

#### **Pemantauan**

Untuk mencapai objektif UiTM, langkah proaktif telah diambil untuk memantau program-program di FSPU. Keutuhan dalam hal pembangunan, pengurusan, pentadbiran dan pelaksanaan PdP di FSPU dipantau secara berkala melalui audit dalaman, SuFO, PROPENS, TESA dan analisa CDL-CQI. Penglibatan panel industri, pemeriksa luar dan badan akreditasi sentiasa dititikberatkan samada secara bersemuka, secara dalam talian atau secara hibrid. Dengan pelbagai kaedah pemantauan ini, PdP di FSPU sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa.

#### **Tindakan Penambahbaikan**

FSPU terus komited dalam memastikan sinergi yang mantap antara unit HEA dan pentadbiran untuk operasi PdP yang berkesan di FSPU. Dapatan daripada kaji selidik yang dijalankan ke atas pelajar oleh pusat pengajian, MPP dan fakulti telah diambil tindakan untuk memperbaiki PdP. Ini terbukti melalui keberkesanan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan kuliah 2B di mana Jawatankuasa *Task Force Covid-19* ditubuhkan untuk memastikan pematuhan SOP di kampus oleh semua staf akademik, staf bukan akademik dan pelajar. Penjualan buku 5 Dekad FSPU telah disalurkan untuk pembelian komputer riba bagi membantu pelajar yang kurang

berkemampuan.



## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Proses PdP di FSPU adalah terbahagi kepada dua proses utama iaitu, proses di peringkat bahagian HEA di bawah pimpinan TDA dan proses di peringkat pentadbiran fakulti dibawah pimpinan Timbalan Pendaftar Kanan (TPK). Kedua-dua proses berjalan secara selari dalam memastikan perjalanan PdP di FSPU berjalan dengan lancar (6.2.1). Keberkesanan setiap proses kerja menjadi keutamaan FSPU dan pelbagai jawatankuasa telah diwujudkan untuk mencapai KPI yang telah ditetapkan berkaitan PdP. Dasar, peraturan, garis panduan dan manual UiTM telah digunakan untuk memastikan kelancaran PdP di FSPU (6.2.2). Kesemua proses dijalankan mengikut Prosedur Operasi dan Manual Kualiti FSPU (MK.UiTM.FSPU.01) bertarikh 3 Disember 2019.

Dengan slogan ***Generations of Professional Excellence***, FSPU tidak menjadikan pandemik COVID-19 sebagai kekangan, malahan menjadi batu loncatan untuk pemerksaan PdP melalui hubungan erat bersama industri. Mengambil peluang penggunaan platform atas talian, pelbagai siri *webinar* dan *Professional Talk* telah dijalankan sepanjang tahun 2021. Webinar atas talian ini menjadi serampang dua mata dalam menambah ilmu pensyarah disamping menjadi sebahagian dari PdP. Perancangan terhadap webinar dan *talk* yang akan dijalankan adalah mengikut kesesuaian silibus. Pengamal industri dan alumni juga dijemput sebagai panel penilai untuk hasil tugas dan projek akhir pelajar. Kaedah PdP secara fleksi terus diamal dan diperkukuhkan sepanjang tahun 2021 dimana FSPU menggalakkan pensyarah dan pelajar berani mencuba pelbagai aplikasi dan teknologi semasa PdP dan seterusnya hasil pembelajaran yang memberangsangkan boleh dicapai oleh pelajar. Pelajar digalakkan menggunakan secara kreatif pelbagai aplikasi yang ada samada untuk penghasilan poster, video dan tugas atas talian sepanjang PdP. Ianya juga membantu pensyarah meneroka kaedah baru dalam penyampaian dan pentaksiran. Operasi PdP yang mantap sepanjang 2021 ini menjadi pemacu kecemerlangan pelajar dan staf FSPU. Ini dicerminkan melalui pelbagai anugerah dan kemenangan dalam pertandingan yang disertai oleh warga FSPU.

Pengajaran kolaboratif yang telah menjadi sebahagian dari norma di pusat-pusat pengajian FSPU diperkasakan lagi dengan pendaftaran sebagai *Collaborative Teaching* dibawah CIDL, UiTM. Penglibatan secara aktif pemain industri dalam PdP di FSPU mencerminkan kepercayaan pihak industri kepada FSPU sebagai pembekal sumber tenaga kerja yang berkualiti yang bakal menyertai industri nanti. Ia juga memberikan sumber pengetahuan yang segar dan terkini kepada pelajar disamping memperkayakan pengetahuan mereka. Setelah pemain industri dikenalpasti, FSPU memberi sokongan untuk pemain industri dijemput untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka (6.2.3).

Perancangan rapi telah dilaksanakan dalam menguruskan sesi perkuliahan secara bersemuka. Pihak fakulti dengan kerjasama Ketua Pusat Pengajian terlibat dengan pantas menubuhkan Jawatankuasa *Task Force Covid-19* untuk memerhatikan pematuhan SOP di kampus (6.2.4). Keselamatan pelajar adalah menjadi elemen penting dalam operasi secara bersemuka dan SOP mesti dipatuhi oleh semua kakitangan akademik, kakitangan teknikal dan pelajar (6.2.5). Pelbagai inisiatif telah disediakan seiring dengan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi membendung penularan COVID-19 di dalam kawasan FSPU. Segala operasi yang dilaksanakan dengan cemerlang diberi penghargaan semasa Majlis Anugerah Kecemerlangan Fakulti (MAKEF) 2021 .

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0013\\_O01\\_OB02\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.2.1.pdf](#)

2. [F0013\\_O01\\_OB02\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.2.2.pdf](#)
3. [F0013\\_O01\\_OB02\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.2.3.pdf](#)
4. [F0013\\_O01\\_OB02\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.2.4.pdf](#)
5. [F0013\\_O01\\_OB02\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.2.5.pdf](#)

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Cabaran dalam menempuh dugaan disebabkan krisis pandemik yang terus berlarutan ini telah memberi implikasi yang sangat besar kepada pengurusan pentadbiran untuk operasi PdP di FSPU. Keupayaan untuk terus berdaya saing dan operasi melibatkan pelbagai pihak bermula daripada pihak pengurusan atasan, peringkat pusat-pusat pengajian, pentadbiran dan staf teknikal meliputi kampus di Shah Alam dan Puncak Alam. Dengan kapasiti yang besar, sudah tentu pengoperasian yang cekap diperlukan bagi memastikan kelancaran di setiap kampus dapat beroperasi dengan mengikut punca kuasa dalam pengurusan yang telah ditetapkan.

Pengemaskinian pelaksanaan pengoperasian UiTM semasa tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1 hingga 4 melibatkan staf dan pelajar ( 6.3.1). Merujuk Surat Arahan dari Naib Canselor bertarikh 23 Julai 2021, Negeri Selangor telah berada di Fasa 4 dalam pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang bermula pada tarikh 18 Oktober 2021, Sehubungan itu, kehadiran staf dalam perkhidmatan Awam adalah 100%.Dekan selaku PTJ telah mengeluarkan arahan bertugas di pejabat bagi staf akademik dan pentadbiran Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur di Shah Alam dan Puncak Alam.

Bagi pelaksanaan di FSPU, kehadiran staf akademik meliputi perjawatan pentadbiran seperti Timbalan Dekan, Ketua Pusat Pengajian, Koordinator dan staf pentadbiran adalah kehadiran 100 % (6.3.2). Pihak PTJ, telah memberi kelonggaran dan pertimbangan kepada staf untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) secara bergilir dengan pasangan bagi menjaga anak-anak yang masih menjalani PDPR di rumah. Bagi staf akademik yang tidak memegang jawatan pentadbiran, adalah digalakkan melaksanakan PdP secara ODL dari rumah. Namun, jika ada keperluan dan di arah untuk datang ke Fakulti, staf berkenaan perlulah akur dan kegagalan berbuat demikian, boleh dianggap sebagai Ingkar Perintah dibawah Akta 605. Semua staf dikehendaki mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti semasa bertugas di pejabat.

Selain itu, kaedah PdP yang holistik sangat penting digunakan sebagai medium baharu yang lebih berkesan. FSPU ambil cakna selari dengan permintaan industri dengan melaksanakan konsep pengajaran kolaboratif bagi memenuhi keperluan sesuatu kursus yang diajar. Pengajaran kolaboratif yang juga dikenali sebagai *team-teaching* atau *co-teaching*, merujuk kepada pendekatan pengajaran yang melibatkan beberapa orang tenaga pengajar dalam kalangan pensyarah dan rakan industri bersama beriringan untuk memudahcara pengajaran, mendidik, membimbing dan melatih pelajar bagi memperkasa pembelajaran sendiri pelajar. Sebagai contoh pada pembelajaran sesi Mac 2021, subjek PMG610 Park and Amenity Management Studio 2 (6.3.3) dari Pusat Pengajian Pengurusan Taman dan Ameniti telah didaftar di bawah *Centre of Innovative Delivery and Learning (CiDL)* sebagai pengajaran kolaboratif yang pertama di FSPU. Kaedah kolaborasi yang digunakan adalah menggunakan Model 6 iaitu kolaborasi Penyampaian dan Penilaian Pentaksiran (6.3.4)

Pengajaran kolaboratif menekankan aspek berikut seperti pembelajaran berasaskan hasil pembelajaran, pembelajaran berpusatkan pelajar, pendekatan kaedah penyampaian secara bersemuka setempat atau secara ODL, penggunaan Mod Pembelajaran Teradun dan pengajaran rentas seperti rentas fakulti, rentas kampus dan rentas universiti. Pelantikan Ar Hijas Kasturi sebagai Profesor Adjung telah meningkatkan persekitaran profesional di FSPU.

Implikasi pengajaran kolaboratif dapat memberi sinergi kepakaran dari bidang yang diceburi mengikut keperluan kursus dan pengoptimuman sumber dari segi masa, kos dan keperluan fasiliti. Dengan adanya kaedah ini, ia memberi peluang kepada pensyarah untuk inovasi dalam PdP dan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna ( 6.3.5)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_O01\\_OB03\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.3.1.pdf](#)
2. [F0013\\_O01\\_OB03\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.3.2.pdf](#)
3. [F0013\\_O01\\_OB03\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.3.3.pdf](#)
4. [F0013\\_O01\\_OB03\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.3.4.pdf](#)
5. [F0013\\_O01\\_OB03\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

PdP secara ODL telah ditawarkan di UiTM sejak tahun 1993 lagi tetapi tidak menyeluruh kepada semua program. Norma baharu disebabkan pandemik COVID-19 telah mengubah lanskap PdP. Kemahiran pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang merujuk kepada pendekatan pengajaran yang melibatkan beberapa orang tenaga pengajar dalam kalangan pensyarah dan pemain industri bersama beriringan untuk memudah cara pengajaran, mendidik, membimbing dan melatih pelajar bagi memperkasa pembelajaran sendiri pelajar. Kaedah pengajaran kolaboratif yang dilaksanakan juga memastikan pembelajaran dapat diteruskan untuk memastikan ilmu dan kemahiran disampaikan serta dapat mencapai hasil pembelajaran yang dijangka. Namun kaedah yang digunakan juga mengambil kira kekangan yang dihadapi oleh pelajar dan pensyarah dinorma baru ini ( 6.4.1.1, 6.4.1.2, 6.4.1.3).

Penglibatan pemegang taruh FSPU dalam melaksana dan menjayakan bidang tumpuan mempunyai kaedah pemantauan yang bersistematik bagi memastikan pembelajaran dan pemantauan pelajar dapat diselia dengan baik. Hasil pemantauan di kaji dan di ambil tindakan bagi menambahbaik proses-proses bidang tumpuan sedia ada dan merancang inisiatif masa hadapan (6.4.1.4)

Terdapat pelbagai platform bagi memantau pelaksanaan PdP, samada secara langsung atau tidak langsung contohnya Mesyuarat Akademik secara dalam talian oleh Kepimpinan tertinggi FSPU (*Google Meet, Webex, ZOOM, Microsoft Teams, UFUTURE*). Di peringkat pusat pengajian pemantauan pengurusan dan pembangunan staf diperolehi melalui analisa maklum balas SUFO, Laporan Penilaian Kendiri (TESA), laporan pemantauan profesionalisme pensyarah (PROPENS), laporan CDL-CQI, laporan pemeriksa luar, laporan badan akreditasi dan sebagainya. Input dan maklum balas dari pelbagai platform ini telah digunakan untuk tindakan penambahbaikan PdP di FSPU (6.4.1.5abc).

Pelaksanaan audit dalam dan InQKA menjadi satu platform yang dilaksanakan dan menyumbang secara langsung kepada maklum balas pemantauan dan penambahbaikan bidang tumpuan. Contohnya, audit *Integrated Quality Management System (iQMS)* yang melibatkan *Code of Practice for Institutional Audit (COPIA)* dan ISO 9001:2015 – Quality Management Systems. COPIA menggariskan 9 perkara yang perlu dipatuhi. Pematuhan kepada Perkara 5 Staf Akademik adalah berkait langsung dengan bidang tumpuan. Antara penekanan Perkara 5 adalah perhatian kepada pembangunan staf melalui keperluan latihan, sumber, fasiliti, imbuhan dan sebagainya. Pematuhan kepada ISO 9001:2015 yang diterjemahkan melalui Manual Kualiti FSPU membantu FSPU mentadbir proses bidang tumpuan, memperbaiki keberkesanan proses dan juga melaksanakan penambahbaikan berterusan dengan lebih efisien di norma baharu.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0013\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.4.1.1.pdf](#)
2. [F0013\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.4.1.2.pdf](#)
3. [F0013\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.4.1.3.pdf](#)
4. [F0013\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.4.1.4.pdf](#)
5. [F0013\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.4.1.5.pdf](#)

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Untuk menggerakkan inisiatif strategi PdP, kepimpinan tertinggi FSPU sentiasa peka dan bersedia untuk mengurus risiko supaya PdP berjalan dengan lancar. Merujuk kepada Pekeliling Akademik Bil. 01/2021 mengenai penangguhan pendaftaran secara fizikal pelajar baharu dan lama pada sesi I 2021/2022 semua pelajar dikehendaki meneruskan pengajaran dan pembelajaran secara hibrid bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

Memandangkan keadaan penularan COVID-19 sukar dijangka dan kebenaran pelajar untuk kembali sepenuhnya ke kampus adalah bergantung kepada arahan MKN, KKM dan KPT dari semasa ke semasa. Keadaan ini menyukarkan pihak fakulti/kampus dan pelajar untuk meneruskan pengajian terutamanya bagi sesuatu kursus yang mempunyai keperluan pengajaran dan pembelajaran mendesak untuk dilaksanakan secara bersemuka. (6.4.2.1)

Pelaksanaan Pengurusan risiko di FSPU bagi Kuliah 2B (f2f) dan 3B (ODL 4.0) semasa tempoh peralihan pandemik ke endemik telah dikaji dan bincangkan di peringkat UiTM bagi memenuhi SOP yang telah ditetapkan oleh KPT. Pelaksanaan Kuliah 2B, 3B dan 4B telah dilaksanakan apabila status kawasan/negeri kediaman semasa/asal pelajar dan status di kawasan/negeri kampus asal/tumpang pelajar berada dalam keadaan risiko jangkitan yang rendah dan selamat berdasarkan kepada keadaan dari masa ke semasa. SOP dan pemantauan risiko jangkitan jatuh dibawah bidang kuasa jawatankuasa SoschCo FSPU (6.4.2.2) Untuk risiko staf, kehadiran staf pentadbiran dan akademik ke fakulti adalah mengikut Pekeliling Naib Canselor Bil. 1/ 2021 bagi mengelakkan penularan COVID-19. Pelaksanaan kuliah dan aktiviti akademik adalah tertakluk kepada SOP yang telah digariskan oleh FSPU (6.4.2.3).

Pelan tindakan pengurusan risiko norma baharu di peringkat fakulti dipertanggungjawabkan kepada Unit Pengurusan Risiko FSPU. Penyelaras Risiko Fakulti (PRF) telah di lantik bagi menyelaras risiko-risiko fakulti. PRF ini dibantu oleh wakill daripada setiap pusat pengajian dan pentadbiran FSPU. Wakil-wakil bertanggungjawab mengenal pasti risiko-risiko di pusat pengajian masing-masing. Seterusnya PRF akan menyelaraskan risiko-risiko ini dan membuat pelaporan bagi tindakan lanjut oleh PTJ. Risiko berkenaan PdP didaftarkan sebagai risiko dan langkah penyelesaian dilaporkan dalam sistem Daftar Risiko eRMS (6.4.2.4). Pelan keselamatan untuk kelas yang dilaksanakan secara bersemuka perlu mendapat kelulusan untuk membendung risiko penularan wabak COVID-19 (6.4.2.5).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.4.2.1.pdf](#)
2. [F0013\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.4.2.2.pdf](#)
3. [F0013\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.4.2.3.pdf](#)
4. [F0013\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.4.2.4.pdf](#)
5. [F0013\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.4.2.5.pdf](#)

### 6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FSPU komited dalam tindakan-tindakan penambahbaikan berterusan untuk memberikan pengalaman PdP dan mendapatkan hasil yang optima dari setiap aktiviti PdP yang dilaksanakan. Lembaga akreditasi membenarkan untuk sebarang pengubahsuaian terhadap amalan PdP selagi ia mencapai hasil pembelajaran kursus. Fleksibiliti ini telah memberi ruang kepada staf akademik untuk menjadi kreatif. Walau bagaimanapun, untuk memastikan kualiti program, semua pensyarah membangunkan *Course Assessment Plan (CAP)* khusus untuk ODL (6.4.3.1). Sebarang perubahan kepada kaedah PdP mesti mendapat kelulusan Ketua Pusat Pengajian dan Jawatankuasa Akademik Fakulti. Lawatan akreditasi, pemeriksa luar dan panel industri tetap berlangsung walaupun secara dalam talian. Ini adalah sebahagian dari amalan menambahbaik kandungan kurikulum dan praktis PdP supaya relevan dan selaras dengan kehendak industri (6.4.3.2). Dapatan laporan akreditasi, pemeriksa luar dan panel industri digunakan oleh pusat pengajian untuk membaiki kandungan, penyampaian penilaian dan pentaksiran kurikulum yang seterusnya akan melonjakkan kualiti pelajar untuk menjadi graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

Penglibatan pemain industri dalam PdP norma baharu secara kolaboratif membantu menghasilkan individu berkemahiran pembelajaran sepanjang hayat (*Lifelong Learning*) (6.4.3.3). Pembelajaran kolaboratif ini telah memberi peluang untuk pelajar menyusun jadual pembelajaran sendiri, mencari bahan pembelajaran tambahan, serta menyusun waktu perbincangan bagi tugas berkumpulan. Dalam masa yang sama pelajar perlu membuat pelbagai keputusan dalam menyelesaikan masalah berkaitan internet seperti akses yang tidak stabil, ketiadaan laptop dan sebagainya.

Pihak pengurusan dan seluruh warga fakulti maklum bahawa persekitaran dalaman dan faktor luaran banyak mempengaruhi perjalanan pengurusan fakulti khususnya berkaitan PdP. Kajian terhadap permasalahan pelajar dan pelaporan secara holistik yang dilaksanakan secara berkala untuk mengenal pasti masalah dalam kalangan pelajar dan pensyarah membolehkan penambahbaikan dilakukan secara bersasar dan sistematik. Pelbagai inisiatif untuk membantu pelajar yang bermasalah telah dilaksanakan termasuklah pemberian computer riba kepada yang memerlukan (6.4.3.4).

Pemantauan berkala melalui audit dalam, SuFO, PROPENS, TESA dan analisa CDL-CQI berjalan seperti biasa. Kesemua dapatan dianalisa dan menjadi sumber rujukan untuk penambahbaikan oleh pensyarah dan pusat pengajian dan seterusnya FSPU untuk mempertingkatkan keberkesanan PdP. Laporan CDL-CQI yang disediakan di peringkat Pusat Pengajian adalah panduan kepada tindakan yang akan dilaksanakan pada semester berikutnya untuk penambahbaikan (Bukti 6.4.3.5).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0013\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.4.3.1.pdf](#)
2. [F0013\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.4.3.2.pdf](#)
3. [F0013\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.4.3.3.pdf](#)
4. [F0013\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.4.3.4.pdf](#)
5. [F0013\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.4.3.5.pdf](#)

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FSPU terus memantap dan memperkasakan PdP melalui pembudayaan kecemerlangan walaupun dalam keadaan yang mencabar. Pembangunan operasi PdP di universiti menghadapi pelbagai cabaran dalam tempoh peralihan fasa pemulihan negara dalam menangani situasi getir semasa. PdP secara atas talian telah memberi tekanan kepada pelajar untuk meneruskan sesi kuliah dengan memerlukan kelengkapan pembelajaran yang terkini seperti penggunaan komputer riba dan juga jalur lebar yang baik. Demi meneruskan kecemerlangan dari segi pencapaian PdP pelajar disamping penghasilan inovasi dan memperkukuhkan kemahiran pensyarah, FSPU menggalakkan dan memberi sokongan untuk kreativiti pelajar dan pensyarah. Antaranya ialah pengukuhan PdP melalui penglibatan alumni dan pemain industri. Disamping itu, pengajaran secara dalam talian terus diperkukuhkan melalui pelbagai latihan dan kehadiran ke sesi *townhall* yang di anjurkan oleh Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik UiTM.

PdP secara kolaboratif sememangnya telah menjadi kebiasaan di FSPU. Pandemik telah merencanakan lagi pendekatan PdP secara kolaborasi, penganjuran webinar, penglibatan badan professional dan kolaborasi dengan alumni, badan professional dan universiti tempatan dan antarabangsa (6.5.1). Kajiselidik terhadap penerimaan dan keberkesanan PdP secara dalam talian telah dijalankan untuk mengetahui tahap permasalahan dan tindakan yang perlu dilakukan untuk penambahbaikan (6.5.2). Pembudayaan terhadap sinergi operasi yang mantap diantara staf akademik dan staf bukan akademik memberikan peningkatan nilai dan ilmu kepada pelajar. Amalan norma baru operasi PdP dengan aplikasi teknologi dan e-pembelajaran secara menyeluruh serta peningkatan budaya kerja warga dan kelas secara *Blended Learning* di FSPU telah meningkatkan pengalaman PdP yang menarik untuk pelajar FSPU. Ini seterusnya dapat memberi panduan kepada staf akademik untuk menaikkan motivasi dan semangat pelajar dan ini dicerminkan melalui keputusan cemerlang yang diperolehi oleh pelajar.

Demi memastikan tiada yang keciciran dalam PdP norma baharu, FSPU telah mengambil langkah yang proaktif bagi membantu pelajar golongan B40 untuk meneruskan pengajian dengan baik. Ini untuk memastikan operasi PdP yang lancar dan menghantaran tugas serta proses pentaksiran dapat dijalankan pada masa yang ditetapkan. Kajiselidik yang dilaksanakan di peringkat awal PdP norma baharu dan juga oleh MPP membantu untuk mengenalpasti pelajar yang memerlukan. Program sumbangan komputer riba dan naik taraf komputer kepada pelajar yang memerlukan dilaksanakan di peringkat FSPU melalui hasil sumbangan daripada alumni dan dan staf serta menerusi penjualan buku 5 Dekad FSPU. Pemilihan pelajar yang memerlukan bantuan dibuat dengan mengenalpasti latar belakang keluarga dan pendapatan isi rumah (6.5.1). Bantuan atau sumbangan komputer riba diberikan secara berperingkat (6.5.2). Ini membuktikan keprihatinan FSPU kepada PdP pelajar yang mana tiada siapa pun yang akan dibiarkan ketinggalan. Tindakan penambahbaikan terhadap keperluan PdP pelajar-pelajar ini seterusnya meletakkan FSPU sebagai salah satu fakulti yang prihatin terhadap pelajar dan tahap kualiti PdP yang diberikan.

Operasi PdP yang membudayakan penglibatan pelajar dalam pelbagai pertandingan inovasi dan pengkomersilan tetap diteruskan walaupun didepani cabaran COVID-19. Pelajar dan tenaga pengajar tetap bersemangat dan berdaya saing dalam penghasilan pengkomersilan serta memenangi pertandingan inovasi yang dianjurkan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa (6.5.3). Pembudayaan sebegini memastikan pensyarah terus memperbaiki kualiti pengajaran dan penyeliaan. Ia juga memberikan peluang untuk pelajar yang layak untuk berkongsi hasil penyelidikan masing-masing.

### SENARAI BUKTI :



- 
1. [F0013\\_O01\\_OB05\\_20221\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.5.1.pdf](#)
  2. [F0013\\_O01\\_OB05\\_20222\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.5.2.pdf](#)
  3. [F0013\\_O01\\_OB05\\_20223\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.5.3.pdf](#)
  4. [F0013\\_O01\\_OB05\\_20224\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.5.4.pdf](#)
  5. [F0013\\_O01\\_OB05\\_20225\\_FSPU\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Hasil Utama 3 memberi fokus kepada tumpuan sumber manusia yang melibatkan kolaborasi di antara staf akademik FSPU dengan pelbagai pihak termasuk alumni dan jalinan kerjasama melalui MoU dan MoA dengan pihak universiti luar dan industri yang mensasarkan kecemerlangan PdP bagi kesemua program di FSPU.

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Dalam memberikan tumpuan kepada penglibatan sumber manusia bagi memperkasakan PdP di FSPU, pelbagai usaha diambil bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Hasil yang dicapai dilihat dari segi keberkesanan penglibatan sumber manusia dan juga maklum balas dari data Indeks Kegembiraan.

Selari dengan keperluan PdP sepanjang pandemik COVID-19, perubahan budaya keterlibatan dan inklusiviti pihak industri dan komuniti turut berlaku di FSPU dalam pemerkasaan sumber manusia bagi meningkatkan pencapaian akademik daripada kaedah PdP secara bersemuka kepada kaedah ODL. Sebagai sebuah fakulti yang besar dengan 11 pusat pengajian, FSPU memanfaatkan bilangan alumni yang besar dalam membentuk kolaborasi bersama pihak pengurusan fakulti dan juga staf akademik bagi menjalankan pelbagai bentuk aktiviti yang menyokong aspek PdP secara ODL. Kolaborasi dengan alumni adalah dalam bentuk webinar perkongsian ilmu dan pengalaman, *professional talk*, kursus jangka pendek, lantikan panel penilai kerja kursus pelajar dan sebagainya.

Sebagai langkah untuk menjadikan UiTM sebagai **Globally Renowned University**, FSPU turut sama merangka pelbagai bentuk inisiatif memantapkan PdP secara kolaborasi serta **Visibility and Media** yang diperkenalkan sama ada di dalam atau luar negara. Ia merupakan inisiatif FSPU bagi memastikan pemerkasaan peningkatan ilmu dan kepakaran warga FSPU. Setiap program di FSPU mempunyai hubungan kukuh dengan pihak industri samada diperingkat kebangsaan atau antarabangsa dan ianya diperkukuhkan lagi melalui jalinan kerjasama dengan pembentukan MoU. Melalui MoU, kepakaran pensyarah dapat diperluaskan serta memberi manfaat dari pelbagai sudut. MoU dengan universiti tempatan dan antarabangsa banyak membantu meningkatkan ketampakan FSPU melalui kerjasama dalam penganjuran konferensi, seminar/webinar, kursus jangkapendek, program mobiliti pelajar dan staf akademik serta lawatan kerja penanda aras ( *benchmarking*).

Pihak pengurusan FSPU melaksanakan program **Mento-Mentee** melalui inisiatif **Triple-Double** dalam usaha mengoptimumkan kepakaran staf akademik. Program ini diadakan untuk memberi bimbingan dalam perkembangan kerjaya seorang akademika. Selain dari itu, program ini juga bertujuan untuk meningkatkan kompetensi kerja dan memberi bantuan professional agar mencapai KPI yang ditetapkan. Mentor yang dilantik adalah seorang yang lebih berpengalaman dan boleh dijadikan *role model* di kalangan rakan sekerja. Melalui program ini khususnya, warga FSPU menjadi lebih mantap dan kompeten dalam PdP. Hasil dari pelaksanaan program **Mento-Mentee** ini dapat dilihat dari segi peningkatan bilangan staf akademik dengan kelayakan PhD samada dari universiti dalam atau luar negara. Pertambahan staf akademik dengan kelayakan professional yang diterima daripada pihak lembaga/badan professional merupakan pencapaian yang sangat membanggakan. Pencapaian ini sekaligus memberikan banyak peluang kepada staf akademik bagi menonjolkan ilmu serta kepakaran mereka di persekitaran akademik dan industri alam bina yang lebih luas. Hasil usaha ini dapat dilihat melalui pengiktirafan dan anugerah yang diterima oleh staf akademik dari pelbagai pihak diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Pengiktirafan yang diberi terutamanya lantikan sebagai pakar rujuk, ahli lembaga dan jawatankuasa badan profesional, panel penasihat program akademik

dan panel penasihat, membina hubungan kerjasama dengan akademik FSPU dengan orang-orang luar.

Program **Mento-Mentee** turut menjadi pemangkin dan penggerak untuk memperolehi geran penyelidikan. Dengan bimbingan yang berterusan, peningkatan memperolehi geran penyelidikan telah berjaya dicapai. Peningkatan geran penyelidikan turut membantu dalam meningkatkan ketampakan FSPU. Keberhasilan tumpuan sumber manusia juga dilihat daripada peningkatan Indeks Kegembiraan 2021 yang memacu kepada pencapaian staf yang memberi lebih impak kepada FSPU dan UiTM.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_F0013\\_HB02\\_20221\\_FSPU\\_Hasil 1 Tahap 7.1.2.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_F0013\\_HB03\\_20222\\_FSPU\\_Hasil 1 Tren 7.1.3.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_F0013\\_HB04\\_20223\\_FSPU\\_Hasil 1 Perbandingan Tanda Aras 7.1.4.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_F0013\\_HB05\\_20224\\_FSPU\\_Hasil 1 Kepentingan 7.1.5.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

Hasil Utama 2 memfokuskan tumpuan pelanggan yang melibatkan konferensi dan konsultasi (K2) FSPU dengan pihak dalam dan luar Negara untuk meningkatkan bidang PdP selari dengan objektif kualiti FSPU dan agenda GRU UiTM. FSPU telah **melebihi sasaran geran konsultasi (RM5,288,815.04) dan peningkatan penerbitan jurnal (116), sekaligus mendapat 3 Anugerah UTV UiTM.**

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Penganjuran konferensi dan penglibatan konsultasi (K2) FSPU di dalam dan luar negara memberi impak yang signifikan kepada tumpuan pelanggan, proses PdP, dan seumpamanya bagi mencapai objektif kualiti FSPU dan agenda GRU UiTM. Impak ini juga penting untuk Petunjuk Prestasi (PI) Perancangan Strategik FSPU khususnya dan kepada UiTM umumnya. Hal ini demikian membuktikan hasil pencapaian cemerlang yang telah dicapai oleh Fakulti dalam pelaksanaan kedua-dua aktiviti ini sepanjang tahun 2021 sejajar dengan sasaran yang telah ditetapkan oleh Pelan Strategik UiTM 2025, iaitu ke arah mencapai universiti bertaraf global dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan dalam tempoh lima tahun akan datang ( *Globally Renowned University*-GRU UiTM 2025). Secara tidak langsung, ini dapat meningkatkan PdP dalam pemerolehan ilmu pengetahuan bukan hanya di kalangan warga FSPU khususnya, malah di antara universiti tempatan lain dan antarabangsa.

Dalam mencapai agenda utama ini, matlamat aktiviti K2 ini telah diselaraskan dengan misi dan visi UiTM iaitu mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran warganya dalam semua bidang ke arah universiti unggul, beretika, professional dan bertaraf global. Ini tentunya refleksi kepada dasar/objektif kualiti Fakulti seperti pencapaian CGPA, bergraduasi GOT, kebolehpasaran, tenaga pengajar mahir dan professional dan cemerlang penyelidikan, penerbitan ilmiah serta perundingan. Secara khususnya, dua objektif menjadi fokus utama dalam Hasil 3 ini dalam meningkatkan bidang PdP iaitu:-

I. Memastikan Fakulti memperolehi geran perundingan (industri) sebanyak RM500,00.00 setiap tahun.

II. Memastikan setiap staf akademik menghasilkan sekurang-kurangnya satu penerbitan ilmiah/kreatif setiap tahun.

Hasil pencapaian ini dapat dilihat dari aspek peningkatan tahap dan tren penganjuran K2 dari tahun 2019 hingga 2021. Dapatan menunjukkan sedikit penurunan penerbitan pada tahun 2020 kesan pandemik yang melanda secara global. Namun begitu, pada tahun 2021, peningkatan bilangan penerbitan telah berlaku sebanyak hampir sekali ganda dan dengan ini membuktikan bahawa warga FSPU tidak pernah berputus asa dan bekerja keras dalam penganjuran konferensi dan penerbitan yang berterusan bagi meningkatkan kualiti PdP. Manakala dari aspek perbandingan pencapaian cemerlang FSPU UiTM dengan universiti dalam dan luar Negara dalam konferensi dan penerbitan berasaskan bidang Alam Bina, dapatan menunjukkan FSPU, UiTM mendahului dari segi bilangan konferensi jika dibandingkan dengan KAED, IIUM dan ITB, Indonesia. Ini juga dapat dilihat dari segi bilangan tawaran penerbitan (prosiding dan jurnal).

Dari sudut konsultasi, FSPU telah diberi 3 penganugerahan sempena Anugerah Tahunan Konsultasi Technoventure UiTM 2021. Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa warga FSPU sangat komited dalam memberi impak yang berkesan kepada pembangunan dan proses PdP khususnya. Implikasinya juga dapat dilihat dari segi penambahan penajaan pendapatan, penjimatan kewangan, dan meningkatkan kepakaran staf akademik dan pentadbiran. Ini sekaligus meningkatkan bidang PdP Fakulti selari dengan misi dan visi UiTM iaitu mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran warganya dalam semua bidang ke arah menjadi

universiti terkemuka dunia menjelang 2025 seperti ditekankan dalam agenda GRU UiTM.

### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_F0013\\_HB02\\_20221\\_FSPU\\_Hasil 2 Tahap 7.2.2.pdf](#)

### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_F0013\\_HB03\\_20222\\_FSPU\\_Hasil 2 Tren 7.2.3.pdf](#)

### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_F0013\\_HB04\\_20223\\_FSPU\\_Hasil 2 Perbandinagn Tanda Aras 7.2.4.pdf](#)

### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_F0013\\_HB05\\_20224\\_FSPU\\_Hasil 2 Kepentingan 7.2.5.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Hasil Utama 3 memberi tumpuan kepada pelanggan yang diterjemahkan melalui penjaan hasil pendapatan daripada kutipan sumbangan Tabung Buku Lima Dekad FSPU sepanjang tahun 2021.

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sepanjang tahun 2021, cabaran utama yang dihadapi dalam aspek Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) adalah **peralihan daripada mod PdP dalam talian dan jarak jauh (ODL) kepada mod hibrid dan bersemuka**. Keseimbangan akses kepada kemudahan PdP amat penting, terutamanya dari segi alat peranti dan data internet bagi PdP ODL serta kemudahan fizikal seperti makmal, studio dan bengkel bagi PdP secara bersemuka.

Pelbagai inisiatif telah diwujudkan bagi menampung keperluan tersebut, antaranya adalah penubuhan **Tabung Komunikasi Korporat - Buku Lima Dekad FSPU**. Melalui Bendahari, tabung ini merupakan tabung endowmen bagi membantu pelajar dalam pelbagai bentuk, terutamanya PdP. Objektif lain termasuk menyalurkan sumbangan kewangan daripada alumni, ahli industri serta warga FSPU bagi tujuan aktiviti PdP dan kebajikan pelajar melalui HEP, aktiviti alumni melalui Pertubuhan Alumni Alam Bina (PAAB) serta aktiviti pementapan Unit Komunikasi Korporat (UKK) FSPU.

Hasil kutipan tabung ini juga berjaya menerbitkan **Buku Lima Dekad FSPU**, iaitu sebuah penerbitan berbentuk *coffee table book* yang memaparkan perjalanan serta pencapaian 50 tahun kewujudan FSPU. Di samping meraikan ulangtahun yang ke-50 FSPU, ia juga membuka peluang kepada alumni FSPU untuk menyalurkan sumbangan melalui PAAB dengan lebih proaktif. Tempoh kutipan sumbangan besar adalah dari 10 Februari hingga 30 April 2021, manakala kutipan sumbangan kecil melalui penjualan Buku 5 Dekad FSPU masih berlangsung hingga kini. Setakat Disember 2021, jumlah kutipan telah mencapai **RM285,815.00**. Hasil kutipan ini diagihkan kepada beberapa kategori penggunaan seperti Dana Pembangunan Unit Komunikasi Korporat FSPU, Sumbangan Bantuan Pelajar, Sumbangan 15% kepada Pusat Pengajian, Percetakan Tambahan Buku 5 Dekad FSPU, Majlis Silaturrahim Alumni (PAAB) dan sebagainya.

Pencapaian utama hasil inisiatif ini adalah peningkatan pencapaian akademik pelajar. Kadar prestasi penilaian peperiksaan sebelum dan semasa pandemik COVID-19 menampakkan peningkatan tren positif dan mencapai sasaran walaupun masih di bawah "best in class". Peratusan pencapaian lulus terus berada pada tahap yang sama (84.53%) pada Julai 2021 dan menurun sedikit pada peperiksaan Februari 2022 (84.23%). Peratusan pelajar yang gagal pula terus menurun sejak Jun 2019 (0.89%) hingga Februari 2022 (0.44%). Berdasarkan tren ini, FSPU telah mencapai KPI akademik fakulti pada setiap semester di mana peratusan kegagalan pelajar adalah di bawah tahap yang disasarkan iaitu kurang daripada 3%.

Selain itu, sokongan fakulti dalam penyertaan pertandingan, pameran dan konferensi digital menjadi pemangkin kepada pelajar dalam menghasilkan kerja terbaik, sekaligus menyumbang kepada kadar kemenangan yang tinggi dalam acara akademik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya adalah kemenangan tempat ke-3 pelajar Senibina di 10th International Student Design Competition 2021 anjuran Council on Tall Buildings and Urban Habitat (CTBUH).

Kepentingan inisiatif ini adalah jelas dalam menghasilkan sumber alternatif bagi menjaga kepentingan pelanggan/pemegang taruh dalam pelbagai bentuk. Selain dapat mengenalpasti mekanisme yang berkesan bagi menampung keperluan yang mendadak dalam situasi pandemik serta tempoh peralihan, usaha ini juga dapat melibatkan alumni secara langsung dalam memainkan peranan yang lebih proaktif serta berimpak dalam memastikan

kelancaran PdP di FSPU. Impak positif inisiatif ini jelas dalam peningkatan pencapaian akademik pelajar, peningkatan kadar kemenangan dalam pertandingan dan pameran serta penglibatan dalam aktiviti komuniti, badan profesional dan industri yang lebih proaktif dan tampak.

### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_F0013\\_HB02\\_20221\\_FSPU\\_Hasil 3 Tahap 7.3.2.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_F0013\\_HB03\\_20222\\_FSPU\\_Hasil 3 Tren 7.3.3.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_F0013\\_HB04\\_20223\\_FSPU\\_Hasil 3 Perbandingan Tanda Aras 7.3.4.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_F0013\\_HB05\\_20224\\_FSPU\\_Hasil 3 Kepentingan 7.3.5.pdf](#)